قليتا بروني
PELITA BRUNEI
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"SERULAH ke jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik". - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nahl, ayat 125.**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.12 | DUHA 6.37 | ZUHUR 12.25 | ASAR 3.51 | MAGHRIB 6.36 | ISYAK 7.52

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 68 BILANGAN 79 | 3 JULAI 2023 / 1444 ذوالحجه 14 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


***"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahi 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.***

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# BERANGKAT KURNIAKAN GERAN TANAH, ANAK KUNCI RUMAH



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Temburong serta Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah, Unit Pangsapuri dan Lot-lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara (SPN) bagi DBM. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (*Lihat muka 3*).**

# Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Julai. - Bendera besar negara berkibar megah di tiang raksasa di ibu negara, hari ini, menandakan bermulanya pengibaran bendera peribadi masing-masing bagi pengiran-pengiran dan mereka yang dikurniakan gelaran dan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi orang ramai dan juga termasuk di bangunan-bangunan dan premis-premis perniagaan sehingga 31 Julai ini nanti.

Sehubungan itu, Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-77 bagi Tahun 2023 telah diadakan, hari ini, di Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

**>> Muka 12**

# Berkenan hantar titah perutusan tahniah





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmao berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmao berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste.


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei


## Berita Utama




BENDERA negara berkibar megah di seluruh daerah
Muka 13





PERBADANAN TAIB anjurkan Sambutan Hari Raya Aidiladha
Muka 14





LIPAT gandakan amalan kerohanian, mohon perlindungan Allah
Muka 26






KEMAJUAN dalam perancangan pembangunan negara
Muka 28

Pelita Brunei ڤليتا بروني

# Sambut Aidiladha dalam suasana aman, penuh tanggungjawab dan bersyukur

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd**

**ALHAMDULILLAH**, kita dapat lagi menyambut Aidiladha yang mulia dalam suasana aman lagi sejahtera. Suasana aman adalah kurnia paling berharga, yang bukan semua tempat di dunia dapat menikmatinya. Oleh itu, marilah sama-sama kita memeliharanya dengan penuh tanggungjawab sambil bersyukur.

Selain kita memerlukan suasana aman, kita juga memerlukan keadaan selesa dan kesihatan. Maka untuk itu faktor-faktor alami adalah turut menjadi perhitungan.

Sekarang, berbangkit fenomena pemanasan global yang membawa impak besar kepada kehidupan, di samping juga tidak kurang merunsingkan ialah isu meningkatnya penyakit mental.

Perubahan iklim menurut kajian akan mengurangkan pengeluaran hasil tanaman di seluruh dunia, mempengaruhi dan menjejaskan kesejahteraan umat manusia.

Tahap pemanasan melampau boleh membawa kesan yang sangat buruk seperti kematian, penyakit kronik, kehilangan pendapatan dan kurang bekalan air serta makanan.

Sementara itu, turut menambahkan lagi kebimbangan ialah apabila baru-baru ini, sempena menyambut Hari Kesihatan Mental Sedunia 2022, telah dianggarkan, bahawa beban kesihatan mental di peringkat global adalah semakin meningkat.

Di Negara Brunei Darussalam, pada tahun 2021 sahaja, sebanyak 1,515 individu telah diagnosis dengan *anxiety disorder* dan lebih dari 900 individu didapati mengalami *depressive disorders.*

Menurut kajian global, pandemik COVID-19 adalah menjadi penyebab meningkatnya tahap tekanan mental sehingga mewujudkan kadar kebimbangan dan kemurungan yang tinggi, dianggarkan satu dalam empat individu mengalami masalah mental.

Maka beta melihat, kedua-dua isu : Pemanasan Global dan meningkatnya penyakit mental, perlulah sama-sama diberi perhatian mendalam oleh semua pihak.

Pihak berwajib hendaklah menyediakan garis panduan dan nasihat, bagaimana cara untuk menghadapi fenomena ini dan apa cara atau terapi untuk mengelak dan mengubati penyakit mental.

Beta melihat, dua fenomena ini harus dihadapi dan ditangani seperti kita menghadapi dan menangani COVID-19, kerana semua itu adalah sama sahaja berstatus 'musibah'. Kalau COVID-19 kita hadapi dengan SOP saintifik dan vaksin ketuhanan, mengapa terhadap dua fenomena ini tidak boleh dilakukan demikian?

Tetapi soalnya, kita memerlukan inisiatif bersama pihak-pihak yang berkenaan. Misalnya mengenai gejala mental, beta telah pun mengikuti dan membaca dua ceramah utama oleh pihak kesihatan dan pihak ugama, di mana kedua-duanya mengemukakan pendekatan berbeza tetapi sama-sama mempunyai nilai signifikan yang boleh dijelmakan menjadi tindakan bersepadu mengenainya. Tetapi belum ada kedengaran usaha ke arah itu.



**TITAH Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi di Istana Nurul Iman.**

**>> Muka 26**

## WAKTU SEMBAHYANG

| JULAI MASIHI | HARI | ZULHIJAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 3 | ISNIN | 14 | 4.38 | 4.48 | 6.12 | 6.37 | 12.25 | 3.51 | 6.36 | 7.52 |
| 4 | SELASA | 15 | 4.38 | 4.48 | 6.13 | 6.37 | 12.26 | 3.51 | 6.36 | 7.52 |
| 5 | RABU | 16 | 4.38 | 4.48 | 6.13 | 6.37 | 12.26 | 3.51 | 6.37 | 7.52 |
| 6 | KHAMIS | 17 | 4.39 | 4.49 | 6.13 | 6.37 | 12.26 | 3.51 | 6.37 | 7.52 |
| 7 | JUMAAT | 18 | 4.39 | 4.49 | 6.13 | 6.37 | 12.26 | 3.52 | 6.37 | 7.52 |
| 8 | SABTU | 19 | 4.39 | 4.49 | 6.13 | 6.38 | 12.26 | 3.52 | 6.37 | 7.52 |
| 9 | AHAD | 20 | 4.39 | 4.49 | 6.14 | 6.38 | 12.26 | 3.52 | 6.37 | 7.52 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 32 25 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 31 25 °C | 30 24 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 32 25 °C | 31 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

3 JULAI 2023

### Kibarkan bendera, patuhi peraturan yang ditetapkan

**SETIAP** bulan Julai, pastinya rakyat dan penduduk di negara ini akan berasa teruja kerana pada bulan inilah perayaan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan diadakan.

Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-77 Tahun, rakyat dan penduduk di negara ini digesa untuk sama-sama mengibarkan bendera di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan lampu-lampu cucul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai 1 Julai hingga 31 Julai 2023. Pengiran-pengiran dan juga orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing dan bendera Negara Brunei Darussalam bagi orang ramai.

Pengibaran bendera ini menunjukkan kita orang Brunei sangat bersyukur kerana mempunyai seorang raja yang berjiwa rakyat. Rakyat bersedia untuk menyambut perayaan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-77 Tahun. Meskipun peranan kita hanya kecil tetapi justeru ini menunjukkan perasaan kasih dan sayang serta taat setia kepada seorang raja yang digalati.

Mengibar bendera bukan hanya sekadar mengikut arahan tetapi hendaklah dilakukan dengan penuh rasa patriotisme dan nasionalisme kerana bendera negara adalah lambang serta identiti negara kita. Oleh itu, perlu diingatkan sekali lagi untuk mengibarkan bendera yang dalam keadaan baik, tidak koyak atau lusuh.

Bendera hendaklah dikibarkan menegak dengan menggunakan tiang bendera sepanjang 10 kaki dengan pendakap khas tiang bendera dengan 30-45 darjah bagi kawasan beranda. Bagi kawasan depan rumah, awda perlu menggunakan tiang bendera tidak melebihi 20 kaki bagi bendera negara dan 30 kaki bagi bendera-bendera peribadi.

Pemimpin akar umbi bermula dari penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, pemimpin-pemimpin masyarakat, ahli-ahli jawatankuasa kampung diharap akan dapat sama-sama menunaikan tanggungjawab masing-masing sambil ingat-mengingati bagi memastikan tanggungjawab rakyat dan penduduk di negara ini dilaksanakan dengan mengibar bendera Negara Brunei Darussalam pada tarikh yang ditetapkan.

Para belia negara juga perlu dilatih awal untuk menghormati bendera dengan menaikkan dan mengibarkan bendera kebangsaan dengan sempurna adalah tanggungjawab bersama. Semangat jati diri dengan menerapkan perasaan bangga dan sayang pada bendera kebangsaan setentunya akan dapat mengukuhkan semangat para belia negara ini akan kepentingan menghormati bendera. Marilah kita sama-sama memeriahkan lagi sambutan yang bakal diadakan sedikit masa lagi untuk raja kita yang disayangi. **- Ketua Penyuntingan (Ri)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرين ت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berangkat kurniakan geran tanah, anak kunci rumah





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Majlis Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Temburong serta Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah, Unit Pangsapuri dan Lot-lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara (SPN) bagi DBM (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika doa dibacakan.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Temburong serta Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah, Unit Pangsapuri dan Lot-lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara (SPN) bagi DBM kepada seramai 626 penerima pada majlis yang berlangsung di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong.



**BACAAN Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah DBM, Pengiran Dr. Haji Badaruddin bin Pengiran Abd. Rahman.**

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; dan Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah DBM, Pengiran Dr. Haji Badaruddin bin Pengiran Abd. Rahman, diikuti dengan sembah alu-aluan daripada Pegawai DBM.

Pada majlis berkenaan, seramai 218 orang dikurniakan geran tanah di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS, dan daripada jumlah berkenaan seramai 183 penerima dari DBM dan 35 penerima dari Daerah Temburong.

Manakala, di bawah SPN pula, seramai 408 orang dianugerahkan anak-anak kunci rumah dan lot tanah, iaitu 270 orang diperuntukkan unit pangsapuri; seorang diperuntukkan rumah jenis *basic* (Karamunting Kodok); empat orang diperuntukkan rumah jenis kembar; 126 orang diperuntukkan rumah jenis teres; dan tujuh orang penerima lot-lot tanah.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah DBM.

Sejurus selesai menyempurnakan majlis penganugerahan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan dijunjung berangkat melawat salah sebuah institusi pendidikan di kawasan Perumahan Negara Kampung Rimba, iaitu Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba.

Sekolah berkenaan mula diguna pakai pada Januari 2020 yang mempunyai seramai 1,747 orang penuntut lelaki yang menjalani pengajian dari Tahun 5 hingga Tahun 11. Seramai 217 orang tenaga pengajar dan juga 23 orang kakitangan bertugas di sekolah berkenaan.

Selepas mengadakan lawatan di institusi pendidikan berkenaan, Kebawah DYMM kemudian dijunjung berangkat melawat ke rumah-rumah para peserta yang menerima anak-anak kunci rumah mereka di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Rimba, iaitu Awang Rosnan bin Haji Abd. Rahman, di Lot 80557, No. 40, Simpang 165, Jalan 99, RPN Rimba; dan Awang Mohamad Arman bin Haji Abdullah, di Lot 80559, No. 44, Simpang 165, Jalan 99 RPN Rimba.

Terdahulu itu, baginda dijunjung berangkat melawat ke kediaman Awang Mohamad Qamaruddin@Mohammad Abu bin Haji Ahmad di No. 6, Simpangg 165, Jalan 99 RPN Rimba.

Dari rumah para penerima anak-anak kunci rumah, Kebawah DYMM seterusnya dijunjung berangkat ke rumah Pemangku Ketua Kampung Kawasan 5, RPN Rimba, Awang Md. Salleh bin Haji Ahmad.

Dari rumah Ketua Kampung Kawasan 5 RPN Rimba, baginda kemudian berkenan berangkat ke rumah para peserta yang menerima Penggeranan Tanah-tanah LTS di bawah Skim Penggeranan LTS, iaitu Dayang Noorshafenah binti Haji Abidin di Lot 77903, No.18, Simpang 6, Kampung Lambak Kiri, Mukim Berakas; dan Awang Haji Abdul Karim bin Awang Abdullah di Lot 77768, No.5, Simpang 6-97, Jalan Terunjing Baharu, Kampung Lambak Kiri 'A', Mukim Berakas.

Bagi meneruskan sesi keberangkatan, Kebawah DYMM seterusnya dijunjung berangkat melawat ke Syarikat Royal Brunei Culinary (RBC) di kawasan Perindustrian Lambak Kanan.

RBC merupakan syarikat penyediaan perkhidmatan masakan profesional yang memenuhi keperluan Sektor Penerbangan, penjagaan kesihatan dan juga institusi lain.

Antara kecemerlangan yang dicapai oleh RBC dengan memenangi anugerah Inisiatif Projek Cemerlang pada 2022 melalui projek RBC Central Kitchen.

**>> Muka 4**





**ANTARA penerima yang hadir pada majlis berkenaan (kiri dan atas).**





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah LTS di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi DBM dan Daerah Temburong serta Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah, Unit Pangsapuri dan Lot-lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara (SPN) bagi DBM kepada penerima (kiri dan kanan).

>> Muka 3

Di samping itu juga, RBC juga diiktiraf oleh Persatuan Konsultan Perkhidmatan Makanan Antarabangsa (FCSI) Divisyen Asia Pasifik (APD) sebagai salah satu kemudahan pengeluaran pusat perkhidmatan makanan terbesar di negara ini.

Selesai sesi lawatan di RBC, Kebawah DYMM kemudian dijunjung berangkat ke rumah para peserta yang menerima anak-anak kunci rumah pangsapuri di kawasan Perumahan Negara Lambak Kanan.

Baginda mula-mula berkenan berangkat ke rumah pangsapuri C 01-01, Blok C, Lorong Dua Jalan Salam Perpaduan, iaitu ke kediaman Pengiran Mohammad Daud bin Pengiran Matassan; dan kemudian berkenan berangkat ke kediaman Awangku Noorshah bin Pengiran Haji Zainal, dan setelah itu berkenan berangkat ke kediaman Dayang Sarina binti Awang.

Semasa lawatan ke pangsapuri berkenaan, Kebawah DYMM juga dijunjung berangkat melawat ke rumah pangsapuri di Blok D, Lorong Dua Jalan Salam Perpaduan, iaitu ke kediaman Awang Muhammad Hadri bin Daud; Pengiran Aliyadi bin Pengiran Haji Marali@Merali; Dayang Liyana binti Haji Muhammad Jaya; Awang Haji Lihan bin Haji Ibrahim; dan Dayang Ayunisyamimi binti Haji Yassin.

Pada lawatan berkenaan, baginda juga dijunjung untuk melihat lebih dekat lagi antara kemudahan-kemudahan yang terdapat di pangsapuri berkenaan, iaitu sebuah gelanggang sukan.

Pusat Pengajian dan Kesenian Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Rumah Semaun juga menjadi destinasi lawatan Kebawah DYMM.

Di pusat berkenaan, baginda berkenan dijunjung menyaksikan beberapa aktiviti dan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Penubuhan pusat berkenaan adalah salah satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memartabatkan tulisan Jawi dalam menyahut titah Kebawah DYMM, di samping bagi melahirkan rakyat yang berkemahiran sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini.

Pelbagai usaha dan inisiatif telah dan sedang giat dilaksanakan bagi mencapai aspirasi Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035 ini termasuklah penyediaan kemudahan perumahan, perancangan dan kemajuan guna tanah yang teratur.

Dalam aspek penyediaan perumahan melalui kedua-dua skim ini iaitu Skim Penggeranan Tanah LTS dan SPN, pelbagai dasar dan inisiatif dilaksanakan bagi memastikan rakyat mempunyai tempat kediaman yang selesa, mampu milik dan mampan.

Usaha dan inisiatif berkenaan jelas mencerminkan sikap keprihatinan dan pemedulian baginda kepada rakyat dan penduduk di negara ini khususnya dalam memastikan kualiti kehidupan rakyat sentiasa terjamin.





SEBAHAGIAN penerima yang hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kanan).

# PENGANUGERAHAN BERI SINARAN CAHAYA KEHIDUPAN



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abd. Karim dalam sembah alu-aluannya.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Julai. - Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS dan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah, Unit Pangsapuri dan Lot-lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara (SPN) setentunya memberi sinaran cahaya kehidupan dan tempat berteduh yang lebih selesa kepada 626 penerima.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Awang Misle bin Haji Abd. Karim menyatakan perkara demikian dalam sembah alu-aluannya semasa Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah LTS Di Bawah Skim Penggeranan Tanah LTS Bagi DBM dan Daerah Temburong Serta Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah, Unit Pangsapuri dan Lot-lot Tanah Di Bawah SPN Bagi DBM yang berlangsung di Dewan Persidangan BRIDEX, di sini.

Awang Misle seterusnya menyembahkan, di bawah payung pemerintahan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat akan terus menerus mendukung kepimpinan dan kedaulatan baginda serta menanamkan dan membaharui ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan baginda, raja yang disayangi dan disanjungi.

Terdahulu itu, Pegawai DBM menyembahkan menjunjung kasih keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana berkenan bercemar duli ke Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong bagi menyempurnakan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah LTS Di Bawah Skim Penggeranan Tanah LTS Bagi DBM dan Daerah Temburong Serta Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah, Unit Pangsapuri dan Lot-lot Tanah Di Bawah SPN Bagi Daerah Brunei-Muara dalam suasana yang penuh rahmat dan keberkatan

Dalam sembah alu-alunnya, beliau turut mendoakan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Kebawah DYMM sentiasa mendapat taufik serta kurnia limpahan rahmat, dan sentiasa berada dalam keredaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dan kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

# PRIHATIN AKAN INSTITUSI PENDIDIKAN NEGARA





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba dan sejurus keberangkatan tiba, baginda berkenan menandatangani plak keberangkatan (kanan dan atas).**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**RIMBA**, Sabtu, 1 Julai. - Sikap prihatin Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil perhatian dan memeduli hal kebajikan rakyat di negara ini.

Keberangkatan baginda ke salah sebuah institusi pendidikan jelas mencerminkan bahawa baginda sangat mengambil berat tentang permasalahan yang dihadapi serta memastikan negara sentiasa berada dalam suasana aman, damai dan sejahtera serta menikmati kemajuan dan pembangunan pesat, dalam bidang fizikal serta kerohanian.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan berangkat melawat ke Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba dan keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Pengetua sekolah berkenaan, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor.

Keberangkatan tiba baginda di ruang legar sekolah tersebut, dialu-alukan dengan pukulan hadrah oleh seramai 20 pelajar sekolah berkenaan dan berkenan menyaksikan Persembahan Tarhib daripada 11 pelajar Tahun 6 yang berpakaian 'Awang Budiman'.

Sejurus itu, di ruang yang sama, baginda dijunjung bagi menandatangani plak sekolah dengan disusuli dengan persembahan bacaan selawat dari pelajar Tahun 6 yang diketuai oleh Awang Md. Ihtifazuddin bin Suhaili, pelajar Tahun 9 yang kemudian memimpin bacaan Doa Peliharakan Sultan.

Baginda seterusnya disembahkenalkan oleh Pasukan Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Kadet Polis Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Pengakap sekolah tersebut.

Baginda seterusnya memulakan lawatan ke perpustakaan dan menyaksikan sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Sebelum beredar baginda juga berkenan melawat Pameran Alat Bantu Pelajar. Dari sana, baginda dijunjung ke Bilik Guru-guru Perempuan Tingkat II dengan menaiki lif dan berkenan beramah mesra bersama tenaga pengajar sekolah tersebut.

Baginda kemudian berkenan dijunjung ke Kelas Blok 'A' Tingkat II bagi menyaksikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik-bilik darjah Tahun 5 iaitu Kelas Al-Quran, Kelas Bahasa Inggeris dan Kelas Matematik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan ke Bilik VIP bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan seterusnya menerima pesambah daripada pelajar dan sekolah berkenaan.

Sebelum mengakhiri lawatan, baginda berkenan bergambar ramai bersama warga sekolah dan berkenan beramah mesra dengan pelajar di sepanjang koridor di ruang legar sekolah.

Lawatan tersebut merupakan sebahagian daripada atur cara Lawatan Kerja baginda sempena Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara di bawah Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Temburong dan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah Teres dan Unit Pangsapuri serta Lot-lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM.

Sekolah ini mula diguna pakai pada Januari 2020 yang mempunyai seramai 1,747 orang penuntut lelaki yang menjalani pengajian dari Tahun 5 hingga Tahun 11. Seramai 217 tenaga pengajar dan juga 23 kakitangan bertugas di sekolah tersebut.

Visi Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah melahirkan generasi yang berwawasan, berpendidikan dan berakhlak mulia. Sementara misi sekolah tersebut, memberikan pendidikan duniawi dan ukrawi yang berkualiti untuk mendukung kemajuan negara dan kesejahteran hidup dunia dan akhirat serta merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Dalam pada itu, kewujudan sekolah-sekolah Arab di negara ini adalah sangat signifikan yang berkait rapat dengan usaha kerajaan bagi melahirkan rakyat yang berpengetahuan tinggi, khususnya di bidang ugama dan seterusnya nanti akan berperanan bagi mengukuhkan penghayatan hidup beragama di negara ini.







**PADA keberangkatan Lawatan Kerja, baginda berkenan meninjau dan berinteraksi bersama guru dan pelajar-pelajar di sekolah berkenaan (atas kanan dan kanan), manakala gambar atas, baginda dijunjung dan berkenan untuk bergambar ramai bersama guru-guru di sekolah berkenaan.**

# LAWATAN KEBAWAH DYMM PAMER KEPRIHATINAN, KEWIBAWAAN





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat ke rumah penerima di bawah RPN Rimba, iaitu Awang Rosnan bin Haji Abd Rahman (kiri dan atas).**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**RIMBA**, Sabtu, 1 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke rumah penerima Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Temburong serta Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah, Unit Pangsapuri dan Lot-lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM.

Pada atur cara Lawatan Kerja baginda sempena Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah LTS di Bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi DBM dan Daerah Temburong dan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah Teres dan Unit Pangsapuri serta Lot-lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM, mula-mula Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan dijunjung berangkat melawat ke rumah-rumah para peserta yang menerima anak-anak kunci rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Rimba iaitu Awang Rosnan bin Haji Abd Rahman dan Awang Mohamad Arman bin Haji Abdullah.

Setakat tahun 2022, lebih 29 ribu buah rumah dan lot tanah telah pun diperuntukkan kepada pemohon yang berkelayakan dengan jumlah terbesar di DBM iaitu sebanyak 18,955 buah rumah dan lot tanah.

Dari rumah para penerima itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya dijunjung berangkat ke rumah Pemangku Ketua Kampung Kawasan 5, RPN Rimba, Awang Md. Salleh bin Haji Ahmad.

Awang Md. Salleh mula menerima lantikan sebagai Pemangku Ketua Kampung pada 1 September 2019 dan pada masa ini menjalankan pentadbiran Kawasan 6, RPN Rimba. Seramai 5,843 penduduk Kampung Kawasan 5 dan 6, RPN Rimba yang mempunyai keluasan 169.73 hektar. Kampung tersebut dilengkapkan dengan prasarana seperti bekalan air dan elektrik, jalan raya, sekolah dan sebagainya.

Dari rumah Pemangku Ketua Kampung Kawasan 5 RPN Rimba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan berangkat ke rumah peserta-peserta yang menerima Penggeranan Tanah-tanah LTS di bawah Skim Penggeranan LTS iaitu Dayang Noorshafenah binti Haji Abidin di Kampung Lambak Kiri, Mukim Berakas; dan Awang Haji Abdul Karim bin Awang Abdullah di Kampung Lambak Kiri 'A', Mukim Berakas.

Skim Penggeranan LTS mula dilaksanakan pada tahun 1994 di Daerah Tutong. Setakat tahun 2023, sejumlah 2,674 lot telah digerankan yang mana jumlah tersebut juga bersamaan dengan keluasan 646.89 ekar. Daripada jumlah tersebut, 971 lot telah diberikan di DBM, 641 lot diberikan di Daerah Belait, 881 lot diberikan di Daerah Tutong dan 181 lot diberikan di Daerah Temburong.

**>> Muka 7**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berkunjung ke rumah salah seorang penerima anak kunci rumah, Awang Mohamad Arman bin Haji Abdullah (atas dan atas kanan) manakala gambar kanan, baginda dijunjung berangkat ke rumah Pemangku Ketua Kampung Kawasan 5, Rancangan Perumahan Negara Rimba, Awang Md. Salleh bin Haji Ahmad.**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke rumah Pemangku Ketua Kampung Kawasan 5, RPN Rimba.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambah daripada salah seorang penerima anak-anak kunci rumah pangsapuri, Pengiran Mohammad Daud bin Pengiran Matassan.**

**>> Muka 6**

Baginda kemudian dijunjung berangkat ke rumah peserta-peserta yang menerima anak-anak kunci rumah pangsapuri di kawasan Perumahan Negara Lambak Kanan iaitu Pengiran Mohammad Daud bin Pengiran Matassan dan Awangku Noorshah bin Pengiran Haji Zainal.

Pangsapuri Lambak Kanan mempunyai keluasan 10.8143 hektar, secara keseluruhan 10 blok bangunan telah dibina dengan jumlah 300 unit pangsapuri. Antara kemudahan yang disediakan di pangasapuri tersebut ialah blok tempat letak kereta. Setiap unit pangsapuri mempunyai keluasan lantai 170 meter persegi yang dilengkapi dengan empat bilik tidur, ruang tamu dan tiga buah bilik mandi.

Sejak negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 di bawah pimpinan baginda, rakyat dan penduduk telah dan terus menikmati pelbagai kemudahan, antaranya penyediaan perumahan.

Keprihatinan dan pemedulian baginda kepada rakyat dan penduduk negara ini secara langsung membuktikan komitmen kerajaan Kebawah DYMM dalam mendukung hasrat dan cita-cita baginda khususnya dalam menyediakan perumahan yang berkonsep berdaya tahan serta mampu dimiliki selaras dengan salah satu objektif Rancangan Kemajuan Negara untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat yang tinggi.

**BAGINDA berkenan berinteraksi bersama salah seorang penerima penggeranan tanah LTS, Dayang Noorshafenah binti Haji Abidin (bawah kiri) manakala gambar kanan dan bawah kanan, baginda berkenan bergambar ramai. Sementara gambar bawah sekali kiri dan kanan, sekitar lawatan baginda.**











# RBC TUMPUAN LAWATAN KERJA KEBAWAH DYMM



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan bergambar ramai bersama warga Royal Brunei Culinary (RBC).**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meninjau ke Royal Brunei Culinary (RBC) di Tapak Perindustrian Lambak Kanan, Jalan Utama Berakas, Kampung Lambak 'B', Mukim Berakas, di sini.

Tinjauan tersebut merupakan sebahagian daripada atur cara Lawatan Kerja baginda sempena Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara di bawah Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Temburong dan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah Teres dan Unit Pangsapuri serta Lot-lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM.

Keberangkatan baginda dijunjung oleh Pengerusi RBC, Awang Haji Sofian bin Mohammad Jani. Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung ke Lobi Utama RBC bagi mendengarkan sembah penerangan ringkas mengenai syarikat tersebut yang disampaikan oleh Pengarah Urusan RBC, Awang Haji Jeff Hadiman bin Dato Paduka Haji Danial.

Selepas itu, baginda dijunjung bagi melawat ke dapur terbesar RBC iaitu Dapur Pusat (Central Kitchen) yang mengandungi Dapur Uji, Pameran Runcit Makanan Beku, Bilik Katering Institusi Hospital, Hidangan Pesakit, Bilik Pembungkusan Runcit, Dapur Panas, Pusat Stor, Dapur Komisaris, Dapur Sejuk, Dapur Malay Kueh, Bakeri, Pejabat Chef.

Dapur Pusat RBC ini memainkan peranan penting dan beroperasi bagi segmen penjagaan kesihatan, penerbangan dan perniagaan runcit. Kemudahan yang terdapat di dapur tersebut, mendapat pengiktirafan Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) yang menggandakan pengeluaran RBC dan menambah baik kecekapan operasi, membolehkan RBC bersedia bagi peluang-peluang pertumbuhan masa depan, sekali gus meningkatkan daya saingnya kepada pelanggan domestik dan antarabangsa.

Setelah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung ke Lobi Utama bagi menandatangani plak kenangan dan berkenan menerima pesambah. Sebelum mengakhiri lawatan baginda berkenan ke Bilik Mesyuarat bagi santap ringan dan berkenan bergambar ramai bersama warga RBC.

RBC membawa pengalaman kulinari yang dipercayai dan menarik keinginan rakyat dan penduduk Brunei. Dengan Dapur Pusat yang canggih, perkhidmatan profesional dan pilihan masakan kreatif, RBC membawa kebanggaan dan kegembiraan kepada pelanggan di negara ini.

RBC ialah syarikat penyelesaian makanan dan minuman yang terulung di negara ini dan sentiasa memenuhi keperluan penerbangan, penjagaan kesihatan dan sektor institusi lain.

Antara pencapaian RBC ialah pada tahun 28 November 2019, pelancaran semula dan penjenamaan semula Express Fast Food; pada tahun 2020, Express Fast Food Cawangan Kiulap diperluas ke Tingkat 1 dan pada tahun yang sama, Pembukaan Dapur Pusat terbesar di negara ini dan pada tahun ini, Katering Hospital di Kuala Belait secara rasminya bermula pada 1 Februari.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani plak kenangan (atas). Manakala gambar kiri dan bawah kiri, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan. Sementara gambar bawah, baginda berkenan beramah mesra bersama warga RBC.**





# BERKENAN TINJAU PUSAT PENGAJIAN KESENIAN, KALIGRAFI ISLAM





**KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bokiah (PPKKI-YSHHB) (kiri dan kanan).**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bokiah (PPKKI-YSHHB).

Keberangkatan baginda Ke PPKKI-YSHHB adalah sebahagian daripada atur cara Lawatan Kerja baginda sempena Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara di Bawah Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Temburong dan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah Teres dan Unit Pangsapuri serta Lot-lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM.

Menjunjung keberangkatan baginda ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Penubuhan PPKKI-YSHHB merupakan salah satu inisiatif YSHHB yang bertujuan untuk memartabatkan tulisan Jawi dalam menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**>> Muka 10**





**ATUR cara keberangkatan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bermula dengan lawatan ke ruang Galeri Kesenian dan Kaligrafi Islam yang mempamerkan koleksi kaligrafi dan artifak seni Islam dari luar negara dan hasil karya kaligrafi anak-anak tempatan (kiri, atas, bawah kiri dan bawah).**





PELITA BRUNEI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas), manakala gambar bawah kanan, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan semasa lawatan tersebut.

**>> Muka 9**

Tulisan Jawi merupakan khazanah negara yang agung yang perlu dijaga dan dipertahankan khususnya di Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara dan berfalsafah Melayu Islam Beraja.

PPKKI-YSHHB ditubuhkan atas titah perkenan baginda pada 13 Januari 2013 dan mula beroperasi di Rumah Semaun pada 22 Julai 2013. Selaras dengan hasrat penubuhan PPKKI bagi memartabatkan tulisan Jawi, sebuah Galeri Kesenian dan Kaligrafi Islam telah dibina dan dirasmikan oleh paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB pada 5 Mac 2020.

Sepanjang lawatan, baginda menerima sembah taklimat mengenai fungsi, rancangan dan aktiviti serta pencapaian PPKKI-YSHHB yang disembahkan oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan.

Atur cara keberangkatan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bermula dengan lawatan ke ruang Galeri Kesenian dan Kaligrafi Islam yang mempamerkan koleksi kaligrafi dan artifak seni Islam dari luar negara dan hasil karya kaligrafi anak-anak tempatan.

Ruang galeri juga mempamerkan karya-karya, artifak, dan proses tulisan yang berhubung kait dengan sejarah dan perkembangan tulisan Jawi dan kaligrafi Islam merentas zaman pemerintahan Sultan-sultan Brunei.

Baginda seterusnya berkenan menandatangani Lembaran Kenangan sempena Lawatan Kerja baginda dan berkenan menerima pesambah yang merupakan hasil karya kaligrafi daipada penulis khat (*khatat*) PPKKI-YSHHB.

Seterusnya baginda juga berkenan menyaksikan kegiatan dan program pengajian yang dilaksanakan oleh PPKKI-YSHHB serta meninjau kemudahan-kemudahan yang tersedia di Bangunan PPKKI-YSHHB. Atur cara Lawatan Kerja baginda ke PPKKI-YSHHB diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Sejurus selepas atur cara Lawatan Kerja baginda di PPKKI-YSHHB, Kebawah DYMM kemudian dijunjung berangkat ke Dewan An-Naura, YSHHB, Bandar Seri Begawan bagi Majlis Santap Tengah Hari dan mengakhiri majlis keberangkatan baginda.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dijunjung berangkat ke Dewan An-Naura, YSHHB, Bandar Seri Begawan bagi Majlis Santap Tengah Hari dan mengakhiri majlis keberangkatan baginda.

# YSHHB ADAKAN DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI PUJA USIA



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia anjuran YSHHB.**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murat.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Julai. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) lewat petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ke-40 Tahun.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB berkenan berangkat ke majlis yang berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB serta Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin di Bilik At-Taqwa dan kemudiannya diteruskan dengan bacaan Doa Kesyukuran Hari Ulang Tahun Puja Usia DYTM dan seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Isyak yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murat.

Bersempena dengan Hari Ulang Tahun Puja Usia Ke-40, DYTM berkenan memotong Kek Hari Ulang Tahun Puja Usia dan menerima pesambah daripada YSHHB.

DYTM diputerakan pada 19 Ramadan 1403 Hijrah bersamaan 30 Jun 1983 Masihi dan telah dilantik menjadi Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB pada 1 Mac 2013.

Menerajui pucuk pimpinan tertinggi di YSHHB, DYTM sangat prihatin terhadap pengurusan dan perkembangan YSHHB dan DYTM juga sering berkenan mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Tadbir, meninjau dan melibatkan diri dalam apa jua projek dan aktiviti yang diusahakan dan dianjurkan YSHHB.

Pada majlis tersebut, DYTM berkenan mengurniakan sumbangan kewangan YSHHB berjumlah BND70,000 kepada sembilan buah persatuan atau badan sukarelawan yang mengendalikan program-program kemasyarakatan kepada golongan-golongan tertentu.

Daripada jumlah berkenaan itu, sebanyak lima buah persatuan terdiri daripada badan sukarelawan yang memberikan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Sumbangan kepada lima buah badan sukarelawan yang bergabung dengan Majlis Kesejahteraan OKU adalah merupakan sokongan YSHHB terhadap usaha badan-badan berkenaan dalam memberikan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan golongan OKU.

Golongan OKU sewajarnya diberikan bimbingan, didikan dan kemahiran supaya mereka menjadi individu yang berjaya dan mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara. Sokongan ini adalah selaras dengan objektif penubuhan YSHHB dalam bidang kebajikan.

Kesemua persatuan tersebut bergabung dengan Majlis Kesejahteraan OKU (MKOKU) iaitu Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) Negara Brunei Darussalam yang diterima oleh Yang Di-Pertua(YDP) KACA, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin; Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNAB) diterima oleh YDP BDNAB, Awang Muhamad Hamzi bin Omar; Persatuan Sindrom Down (ABLE) diterima oleh Timbalan YDP ABLE, Dayang Hajah Siti Zaliha binti Haji Abu Salim; Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota (PAPDA) diterima oleh Setiausaha PAPDA, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Bujang dan Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan (OKP) diterima oleh YDP OKP, Pengiran Haji Norhalim bin Pengiran Haji Abd. Rahman.

Manakala sebanyak empat buah persatuan lagi adalah terdiri daripada badan sukarelawan yang mengendalikan program kebajikan dan kesejahteraan saudara-saudara baharu.

Sokongan kepada empat buah persatuan yang memeduli kebajikan saudara baharu juga adalah selaras dengan objektif penubuhan YSHHB dalam bidang ugama iaitu ke arah usaha bagi menjalankan gerakan dakwah dan meninggikan syiar Islam di negara ini.

>> Muka 12







**DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menghadiri Majlis Santap (kiri) manakala gambar bawah kiri, DYTM berkenan memotong kek sempena Hari Ulang Tahun Puja Usia. Sementara gambar bawah, DYTM berkenan menerima pesambah daripada YSHHB.**

PELITA BRUNEI







>> Muka 11

Para persatuan terdiri daripada Persatuan Nurul Islam (PNI) Daerah Brunei dan Muara diterima oleh Awang Haji Mohamad Hazwan bin Abdullah; Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Tutong (PESATU) yang bergabung dengan Badan Kebajikan BASKIM, Kiudang diterima oleh Setiausaha Agungnya, Dayang Hajah Rohaidah Anizah binti Mohamad Kamsani; Persatuan Sinar Islam Daerah Belait diterima oleh Setiausaha Agung persatuan berkenaan, Dayang Hamsyesulaina binti Abdullah dan Persatuan Saudara-saudara Baru Temburong diterima oleh YDP persatuan itu, Awang Muhammad Ashim Amrullah bin Abd. Rahman.

**PADA majlis tersebut, DYTM juga berkenan mengurniakan sumbangan kewangan YSHHB kepada persatuan-persatuan atau badan sukarelawan yang mengendalikan program-program kemasyarakatan khususnya kepada golongan tertentu.**

Juga hadir pada majlis tersebut, Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim; para jemputan khas, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB serta guru-guru Sekolah YSHHB.

# UPACARA MENAIKKAN BENDERA BESAR NEGARA





**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara (atas), manakala gambar kiri, Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-77 bagi Tahun 2023.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Masri Osman**

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman yang juga menerima dan menyerahkan Bendera NBD berukuran 3.7mx 7.5m untuk dikibarkan.

Penaikan dan pengibaran bendera dilakukan oleh 30 anggota Tentera Laut Diraja Brunei yang diketuai oleh Lt. Madya Abdul Matin Mahdi bin Haji Matassan sambil diiringi nyanyian Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selepas itu, majlis diteruskan dengan penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam berukuran 2.5mx1.2m dan poster-poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 bagi Tahun 2023 kepada Pegawai-pegawai Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong serta Pemangku Pegawai-pegawai Daerah Tutong dan juga Belait.

Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Md. Salleh.

Upacara tersebut juga dimeriahkan dengan nyanyian koir dengan Persembahan Lagu 'Sanjungan Budi' dan 'Dirgahayu' yang dipersembahkan seramai 46 orang mewakili pelbagai agensi kerajaan iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan serta diiringi dengan Persembahan Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.





**ANTARA persembahan dan yang hadir pada upacara berkenaan (kiri dan kanan).**

# BENDERA NEGARA BERKIBAR MEGAH DI SELURUH DAERAH

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Ihsan Jabatan Daerah Brunei dan Muara**



**SETIAUSAHA Tetap (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat mengagihkan bendera negara kepada penerima bagi Daerah Belait.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Julai. - Upacara Pengibaran dan Menaikkan serta Pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) di daerah-daerah diadakan hari ini dengan Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada penghulu-penghulu mukim di seluruh daerah masing-masing bersempena dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-77, Tahun 2023.

Di Daerah Brunei dan Muara, Majlis Menaikkan dan Pengagihan Bendera NBD diadakan di Kawasan Letak Kereta, Jabatan Daerah Brunei dan Muara serta dihadiri oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan.

Pada majlis tersebut, Dr. Ang Swee menyerahkan Bendera Kebangsaan NBD kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei bagi Upacara Menaikkan Bendera dengan diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Sejurus selepas itu, tetamu kehormat juga menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada penghulu-penghulu, persatuan-persatuan, pihak-pihak swasta dan NGO pada majlis yang berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu-penghulu Mukim, wakil Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei, wakil dari Universiti-universiti, wakil dari Persatuan-persatuan, Ketua Pegawai Operasi Datastream Digital Sendirian Berhad (DST), Ketua Pegawai Eksekutif Progresif Sendirian Berhad, Imagine Sendirian Berhad, Royal Brunei, wakil Daerah Polis Brunei dan Muara, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Pancaragam Kadet Polis Diraja Brunei, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Program Khidmat Bakti Negara, Koir Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Media Massa serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Manakala di Daerah Tutong pula diadakan di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Sejurus selepas bendera negara diserahkan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri kepada tetamu kehormat yang kemudiannya menyerahkan kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei, Upacara Menaikkan Bendera Negara diteruskan dengan penuh semangat patriotisme.

Turut serta dalam acara tersebut ialah Pasukan Serunai dan Tambur Jabatan Penjara, anggota-anggota Pasukan Kadet Tentera Ma'had Islam Brunei, Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong, Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman Tutong, Sekolah Menengah Tanjong Maya Tutong, Pasukan Kadet Polis Ma'had Islam Brunei, Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman Tutong, Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong, Pasukan Pengakap Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong, Persatuan Bulan Sabit Merah Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman Tutong, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Sukarelawan Daerah Tutong (SUKA).

Majlis juga disemarakkan dengan lagu 'Bendera Negara' oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan penuntut-penuntut Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong.

Ir. Awang Haji Mohammad Nazri kemudiannya menyerahkan bendera negara kepada penghulu-penghulu mukim dan juga wakil Penghulu-penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama pada majlis tersebut, para jemputan khas, ketua-ketua jabatan dan cawangan kerajaan di Daerah Tutong, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung.

Doa Selamat dibacakan oleh Imam Tingkat I, Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Tutong, Awang Abdul Hafiy bin Yahya.

Upacara Pengibaran Bendera NBD sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Bagi Tahun 2023 Peringkat Daerah Belait turut diadakan di daerah berkenaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan Doa Selamat bagi memohon keberkatan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala agar Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-77 Tahun berjalan lancar dan dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Zainab, Lumut, Awang Soffian bin Bidin.

Tetamu kehormat seterusnya menyerahkan Bendera-bendera NBD kepada penghulu-penghulu dan pemangku-pemangku penghulu mukim serta wakil dari persatuan-persatuan di Daerah Belait ini untuk dikibarkan selepas acara berkenaan. Majlis tersebut turut disemarakkan dengan persembahan lagu 'Rahmat' daripada Pasukan Koir Pusat Tingkatan Enam Belait.

Hadir pada upacara tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-77 Bagi Tahun 2023 Peringkat Daerah Belait, Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Daerah Belait, penghulu mukim dan pemangku-pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku-pemangku ketua kampung, Pengetua-pengetua Sekolah Daerah Belait, pengarah-pengarah urusan syarikat-syarikat, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di Daerah Belait serta wakil dari persatuan-persatuan.

Seterusnya, daerah bumi Permata Hijau juga tidak ketinggalan mengadakan Upacara Pengibaran Bendera NBD sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-77 Bagi Tahun 2023 bertempat di kawasan Dermaga Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili selaku Pengerusi Majlis; pemangku penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku ketua-ketua kampung, ketua-ketua cawangan, syarikat-syarikat swasta dan Persatuan-Persatuan Bukan Kerajaan (NGO).

Sejurus bendera negara diserahkan oleh tetamu kehormat kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei sambil dinyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Kumpulan Koir daripada penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong dan diteruskan dengan Lagu 'Bendera Negara'.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyerahan Bendera NBD kepada Pemangku Penghulu-penghulu Mukim di Daerah Temburong, Ketua-ketua Cawangan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong dan Guru-guru Besar Sekolah-sekolah Rendah di Kawasan Mukim Zon 1.

Doa Selamat oleh Imam Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Ahad.

Salah satu peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk negara ini secara individu dalam sama-sama meraikan Sambutan Ulang Hari Keputeraan Kebawah DYMM ialah mengibarkan Bendera Kebangsaan NBD di halaman rumah masing-masing, iaitu sebagai simbol taat setia kepada Kebawah DYMM dan menurunkannya mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan.



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan Bendera Negara di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.**



**PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Menaikkan dan Pengagihan Bendera NBD bagi Daerah Brunei dan Muara.**





**PEMANGKU Setiausaha Tetap (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri selaku tetamu kehormat pada Upacara Pengibaran Bendera NBD bagi Daerah Temburong (atas), manakala gambar kanan, sekitar upacara yang berlangsung di kawasan Dermaga Pekan Bangar.**

PELITA BRUNEI

# Sambutan Majlis-majlis Ibadah Korban

## Tabung Amanah Islam Brunei





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II mengagihkan daging korban kepada penerima (kiri), manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, sekitar Sambutan Hari Raya Aidiladha yang diadakan di Masjid Kampung Masin.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**PENGKALAN BATU**, Ahad, 2 Julai. - Sebagai salah satu kegiatan keagamaan tahunan syarikat dan tanggungjawab sosial korporat, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) bersama dengan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) telah menyemarakkan lagi Sambutan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini dengan melaksanakan pengagihan daging korban dan sedekah, yang mana sebahagian daripada daging tersebut juga diagihkan kepada asnaf fakir miskin di Kampung Masin.

Majlis berkenaan diadakan petang tadi bertempat di Masjid Kampung Masin.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Turut hadir adalah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan sebagai Timbalan Pengerusi Perbadanan TAIB; Ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah, Pengarah Urusan Perbadanan TAIB dan anak syarikatnya, Ketua Kampung Masin; pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak syarikatnya serta penduduk Kampung Masin.

Acara kemuncak majlis adalah pengagihan daging korban dan sedekah yang disempurnakan oleh tetamu kehormat dan Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim kepada seramai 34 keluarga asnaf fakir miskin yang tinggal di kawasan Kampung Masin.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Imam Kampung Masin, Haji Md Zainol Hasramin bin Haji Md Hassan.

Hasil daripada penyertaan warga serta keluarga Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, sebanyak tiga ekor kerbau telah dijadikan sebagai korban, dan sebanyak enam ekor kerbau lagi telah disumbangkan dari Perbadanan TAIB dan Anak-Anak Syarikatnya juga turut disedekahkan kepada mereka yang berkenaan.



## Jabatan Perdana Menteri



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II mengagihkan daging korban kepada penerima.**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohammad Khalid Doughty**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Julai. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks JPM yang dikendalikan oleh Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dengan kerjasama Bahagian Sekuriti dan Undang-Undang (SUU) selaku pengendali bersama.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan dan para jemputan yang terdiri dari pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Haji Emran.

Majlis kemudiannya diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dari Surah Al-Saffat, ayat 99-111 yang dibaca secara hafazan dan Tarannum oleh Pegawai Pelajaran Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Ahmad Zulwaqar bin Suhaili.

Antara pengajaran dari ayat-ayat Surah Al-Saffat tersebut adalah kisah Nabi Ibrahim Alaihissalam berdoa memohon agar dikurniakan anak dari kalangan orang-orang yang soleh lalu Baginda diberikan khabar gembira akan beroleh seorang anak iaitu Nabi Ismail Alaihissalam yang disifatkan sebagai 'halim' (penyabar).

Setelah Nabi Ismail Alaihissalam sampai usia baligh, Allah telah memerintahkan Nabi Ibrahim Alaihissalam melalui mimpi yang diwahyukan kepada Baginda untuk menyembelih anaknya. Apabila Nabi Ibrahim Alaihissalam minta pendapat Nabi Ismail Alaihissalam tentang wahyu yang Baginda terima.

Nabi Ismail Alaihissalam meminta ayahnya untuk melaksanakan apa yang telah diperintahkan kepadanya dan 'InsyaaAllah', akan mendapati dirinya dari orang-orang yang sabar.

Apabila kedua-dua anak beranak itu 'berserah kepada Allah' dengan taat menjunjung perintah Allah, maka Allah memberitahu Nabi Ibrahim Alaihissalam bahawa Baginda telah menjalankan perintah-Nya dan telah melepasi ujian yang dilaluinya yang sememangnya adalah satu ujian yang amat besar. Lalu Allah ganti (fidyah) penyembelihan Nabi Ismail Alaihissalam itu dengan seekor Kibash yang besar.

Majlis seterusnya diikuti dengan pengagihan daging-daging korban oleh tetamu kehormat kepada 60 orang penerima yang terpilih terdiri daripada kalangan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya dan seramai 60 orang penerima dari golongan asnaf. Sebanyak empat ekor kerbau dikorbankan pada majlis tersebut.

Majlis diakhiri dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah yang dipimpin oleh pegawai dan kakitangan BKISHHB dan SUU dilaungkan sebanyak tiga kali dan bacaan doa oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid.



**YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks JPM.**



**BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran secara hafazan dan Tarannum oleh Pegawai Pelajaran Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Ahmad Zulwaqar bin Suhaili.**

# Sambutan Majlis-majlis Ibadah Korban

## Kementerian Kesihatan





**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyempurnakan pengagihan daging korban kepada penerima (kiri), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Julai. - Sambutan Hari Raya Aidiladha di negara ini terus dimeriahkan dengan Majlis-majlis Ibadah Korban yang diadakan oleh pelbagai pihak.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Pada tahun ini, sebanyak lima ekor kerbau dikorbankan dan diagih-agihkan kepada lebih kurang 79 orang, yang terdiri daripada kakitangan Kementerian Kesihatan dalam Bahagian V termasuk Pekerja Gaji Hari.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Haji Mohd. Emmarul bin Haji Azamain dari Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan diteruskan dengan ceramah 'Aidiladha : Tunggangan Mu Ke Syurga' disampaikan oleh Pengiran Abdul Basit bin Pengiran Haji Zaini dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Acara kemudiannya diikuti dengan Takbir Hari Raya yang diketuai oleh Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Matassim dari Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital RIPAS.

Pengagihan daging-daging korban tersebut telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Datin di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dr. Hajah Lailawati binti Haji Jumat; ketua-ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai dan



**CERAMAH 'Aidiladha : Tunggangan Mu Ke Syurga' disampaikan oleh Pengiran Abdul Basit bin Pengiran Haji Zaini dari Majlis Ugama Islam Brunei.**

kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Majlis adalah merupakan anjuran bersama Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Bahagian Pengurusan Estet dan Perkembangan Projek,

## Kementerian Kewangan dan Ekonomi



**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Masri Osman**



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi mengagihkan daging-daging korban berkenaan kepada para penerima (atas dan kiri). Manakala gambar bawah, sebahagian pegawai dan kakitangan yang hadir pada majlis berkenaan.**

**BERAKAS**, Sabtu, 1 Julai. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengadakan Majlis Ibadah Korban bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, para pegawai kanan berserta pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Seramai 63 peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi menyertai majlis tersebut yang menyaksikan sebanyak sembilan ekor kerbau dikorbankan.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berserta Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi juga turut mengagihkan daging-daging korban berkenaan kepada seramai 90 penerima yang terdiri daripada golongan asnaf fakir dan miskin.

Majlis berkenaan juga merupakan aktiviti keugamaan yang diadakan setiap tahun oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



# Sambutan Majlis-majlis Ibadah Korban

## Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan turut mengagihkan daging korban kepada penerima.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Julai. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1444H / 2023M, hari ini, bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP.

Sebanyak lima ekor kerbau telah dikorbankan yang disertai oleh 34 orang peserta dan seterusnya diagihkan kepada 80 orang penerima yang terdiri daripada kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan laungan Takbir Raya secara beramai-ramai dipimpin oleh Penolong Pensyarah di Kolej Ugama Perguruan Seri Begawan (KUPU SB), Awang Hilman bin Haji Salim.

Acara turut diserikan dengan Ceramah Khas sempena ibadah korban bertajuk, 'Kelebihan dan Hikmah Ibadah Korban' yang disampaikan oleh Awang Hilman.

Majlis kemudian disusuli dengan penyampaian daging korban oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis Ibadah Korban ini diadakan setiap tahun bagi menzahirkan tanda bersyukur di atas segala nikmat dan limpah kurnia yang diberikan dengan membelanjakan harta itu dengan sebaik-baiknya ke jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Ia juga membantu dalam memupuk sikap tolong-menolong terutama di antara sesama umat Islam sekali gus mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara satu sama lain.

Majlis yang dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan pada tahun ini turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan; para pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.





**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyampaikan daging korban kepada penerima (atas), manakala gambar kanan, Ceramah Khas disampaikan oleh Penolong Pensyarah di Kolej Ugama Perguruan Seri Begawan (KUPU SB), Awang Hilman bin Haji Salim.**

## Kementerian Pendidikan

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat mengagihkan daging korban kepada penerima (atas), manakala gambar-gambar bawah, antara pelajar yang hadir.**

**SENGKURONG**, Sabtu, 1 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet dan Jabatan Pendidikan Swasta petang tadi mengendalikan Majlis Ibadah Korban Kementerian Pendidikan Tahun 1444H / 2023M yang berlangsung di Dewan Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong, Kampung Mulaut, di sini.

Seramai 60 penerima daging korban bagi Majlis Ibadah Korban Kementerian Pendidikan yang terdiri daripada para penuntut dari PTE Sengkurong, Sekolah Menengah Sayyidina Hassan dan Sekolah Menengah Masin.

Sebanyak tujuh ekor kerbau dikorbankan hasil daripada penyertaan seramai 49 pegawai dan kakitangan serta keluarga Kementerian Pendidikan pada tahun ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Pendidikan Tingkat Khas, PTE Sengkurong, Awang Haji Zulkiflee bin Haji Jaili.

Majlis antara lain turut diserikan lagi dengan Ceramah Khas bertajuk 'Ibadah Korban Mengukuh Ketakwaan' yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kegiatan Kerohanian, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

Diikuti dengan pengagihan daging-daging korban kepada para penerima afdal dan para peserta yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan Selawat Ibrahimiyyah secara beramai-ramai yang dipimpin oleh para pelajar PTE Sengkurong dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis berkenaan merupakan salah satu aktiviti keagamaan yang diadakan setiap tahun oleh Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi memeriahkan dan menyemarakkan lagi hari-hari kebesaran Islam.

Ia juga bertujuan untuk memberi peluang kepada warga kementerian untuk beramal dan bersedekah kepada golongan yang memerlukan sebagai tanda taat dan bersyukur di atas nikmat kurnia dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah, ketua-ketua jabatan, para pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.



**CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kegiatan Kerohanian, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.**





# Sambutan Majlis-majlis Ibadah Korban

## Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyempurnakan pengagihan daging korban kepada penerima.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Julai. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta pihak-pihak berkuasa di bawahnya mengadakan Majlis Ibadah Korban bersempena Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC.

Majlis ini merupakan aktiviti tahunan MTIC dan jabatan-jabatan serta pihak-pihak berkuasa di bawahnya, di mana pada tahun ini, majlis berkenaan dikelolakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Takbir Hari Raya yang dipimpin oleh Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Awang Haji Mohd. Ashraf bin Haji Bujang.

Sebanyak enam ekor kerbau telah dikorbankan pada Majlis Ibadah Korban bagi MTIC dan jabatan-jabatan serta pihak-pihak berkuasa di bawahnya pada tahun ini.

Majlis juga diserikan dengan ceramah bertajuk, 'Yang Sampai Hanyalah Takwa' yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.

Hadir bagi menyempurnakan pengagihan daging-daging korban ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Daging-daging korban tersebut telah diagihkan kepada 151 penerima terdiri daripada golongan asnaf di bawah tadahan kawasan Mukim Berakas, Daerah Brunei dan Muara, anak-anak yatim dan warga MTIC dan jabatan-jabatan serta pihak-pihak berkuasa di bawahnya.

Turut sama hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta pihak-pihak berkuasa di bawahnya.



**CERAMAH disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.**





**ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kanan).**

## Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan





**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging-daging korban (kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri, antara yang menerima daging korban berkenaan.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Julai. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Digadong, Tingkat 1, Bangunan KKBS, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Awang Haji Mohamad yang seterusnya menyempurnakan pengagihan daging-daging korban.

Sebanyak tujuh ekor kerbau telah dikorbankan pada tahun ini dan seramai 250 orang yang terdiri daripada penerima penghuni Pusat Penempatan Sementara (PPS) dari Jabatan Pembangunan Masyarakat, anak-anak yatim dan warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya menerima daging-daging korban berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Selawat Tafrijiyyah dan Sayyidul Istighfar, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Memohon Perlindungan dari Wabak COVID-19 yang diketuai oleh Guru Ugama Terlatih, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Awang Haji Nordin bin Haji Duraman. Majlis diteruskan dengan penyempurnaan pengagihan daging korban.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan setiausaha Tetap, pengarah-pengarah bahagian dan jabatan, pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis ini merupakan aktiviti / program tahunan yang diungkayahkan oleh Badan Kebajikan dan Keugamaan, KKBS bagi menyemarakkan sambutan hari-hari kebesaran Islam, di samping mengongsikan kegembiraan kepada golongan yang kurang berkemampuan.

Majlis seumpama ini juga diadakan bagi mengeratkan ikatan ukhuwah dan tali silaturahim dalam kalangan warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pelita Brunei

# Sambutan Majlis-majlis Ibadah Korban

## Jabatan Mufti Kerajaan






YANG Berhormat Mufti Kerajaan menyempurnakan pengagihan daging-daging korban kepada para penerima. Turut mengagihkan daging korban tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif RB (atas dan kiri).

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**



UCAPAN alu-aluan daripada Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abd. Hamid.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Julai. - Seramai 269 orang yang terpilih dari Mukim Kilanas menerima daging korban anjuran bersama Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB).

Sejumlah enam ekor kerbau dan dua ekor sapi disembelih untuk dijadikan ibadah korban pada majlis tahun ini.

Majlis berlangsung di Ruang Legar, Bangunan Darulifta, JMK, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Turut hadir, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin; Penolong Mufti (Buhuth), Dato Seri Setia Dr. Haji Mazanan bin Haji Yusof; Pemangku Penolong Mufti (Ifta'), Awang Haji Abd. Rahman bin Pengarah Haji Mokti; serta pegawai dan kakitangan daripada kedua-dua institusi.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Penolong Ketua Urusetia Fatwa, JMK, Awang Haji Hazimin bin Haji Ibrahim, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abd. Hamid.

Sejurus itu, majlis diteruskan lagi dengan penyerahan daging korban kepada seramai 87 ketua keluarga penerima yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Turut menyempurnakan pengagihan daging korban tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif RB.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Penolong Ketua Urusetia Fatwa.

Majlis Ibadah Korban yang dilaksanakan secara bersama berkenaan adalah merupakan acara tahunan antara kedua-dua institusi berkenaan.

Kesepakatan berkenaan telah lahir sejak lebih 20 tahun yang lalu bermula dari tahun 1999 lagi.

## Mahkamah-mahkamah Syariah





YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie menyempurnakan pengagihan daging korban kepada penerima (atas), manakala gambar kiri, Ketua Hakim Syar'ie semasa hadir pada Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah. Manakala gambar bawah, antara yang menerima daging korban.



**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kehakiman Negara**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Julai. - Jabatan Kehakiman Negara melalui Mahkamah-mahkamah Syariah telah mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi bertempat di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah, di sini.

Majlis telah dihadiri oleh Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Turut hadir, Hakim-hakim Syar'ie, pendaftar-pendaftar, pegawai- pegawai dan kakitangan Mahkamah-mahkamah Syariah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti laungan Takbir Hari Raya oleh mahasiswa-mahasiswa Latihan Industri Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Seterusnya pengagihan daging-daging korban yang disampaikan oleh Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim kepada seramai 30 orang asnaf yang terpilih dari Mukim Tamoi, Mukim Sungai Kebun, Mukim Kota Batu, Mukim Lumapas dan Mukim Kilanas diikuti peserta-peserta korban dan para pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah.

# Sambutan Majlis-majlis Ibadah Korban



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, selaku Penasihat Takmir Masjid SSBRPAD menyampaikan pengagihan daging-daging korban kepada penerima (atas dan kanan).



## Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Julai. - Ibadah korban merupakan ibadah sunat yang dituntut bagi meraikan Aidiladha dan ia mengandungi banyak hikmah antaranya sebagai satu tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas nikmatnya, selain sebagai kafarah (penutup) dosa-dosa.

Justeru, Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang pada tahun ini juga tidak melepaskan peluang untuk turut sama menyemarakkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha dan diselajurkan dengan Pengagihan Daging-daging Korban Kepada Asnaf bertempat di ruang lobi masjid berkenaan.

Hadir menyempurnakan pengagihan daging-daging korban tersebut ialah Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos selaku Penasihat Takmir Masjid SSBRPAD.

Seramai 20 orang asnaf fakir miskin dari kawasan Kampung Manggis / Madang menerima agihan daging korban pada majlis tersebut.

Sementara itu, pengagihan daging-daging korban juga diagihkan secara pandu lalu, yang mana penyampaiannya disempurnakan oleh Penaung Masjid SSBRPAD, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Pada tahun ini, sebanyak enam ekor kerbau dikorbankan daripada seramai 42 peserta.

**PENAUNG Masjid SSBRPAD, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyampaikan pengagihan daging-daging korban secara pandu lalu.**




## Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga







**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh semasa menyampaikan daging korban kepada penerima (kiri dan bawah kiri).**

**SUNGAI BUNGA**, Ahad, 2 Julai. - Kerjasama secara gotong-royong setentunya membuahkan hasil yang cepat dan sempurna selain mengeratkan lagi silaturahim masing-masing.

Justeru, kerjasama yang dipupuk itu dapat dilihat dengan adanya Majlis Perundingan Kampung (MPK) seperti MPK Sungai Bunga dalam mengungkayahkan Majlis Ibadah Korban sebagai aktiviti tahunan sejak tahun 2020 lalu.

Majlis Pengagihan Daging Korban yang diadakan di Pusat Aktiviti Pelancongan MPK Sungai Bunga di sini dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat yang juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh.

Yang Berhormat seterusnya menyampaikan agihan daging korban kepada 21 peserta ibadah korban kali ini dan kemudiannya kepada para penerima terdiri daripada golongan asnaf fakir miskin dari kampung berkenaan.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Pihak MPK setentunya berharap program yang berkebajikan itu akan terus dilaksanakan pada tahun-tahun mendatang sekali gus dapat memupuk kesedaran dalam kalangan para Ahli MPK bagi sama-sama meraih ganjaran pahala dan hikmah pengajaran yang diperoleh menerusi ibadah korban tersebut.

# Sambutan Majlis-majlis Ibadah Korban

## Pasukan Polis Diraja Brunei





**PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei semasa hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pengagihan daging-daging korban kepada penerima (kiri dan atas).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**GADONG**, Ahad 2 Julai. - Badan Ugama Islam (BUI), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) juga tidak ketinggalan mengungkayahkan Majlis Ibadah Korban PPDB sempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Surau Polis Gadong, PPDB, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pengagihan daging-daging korban pada majlis berkenaan ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin; para pengarah dan timbalan pengarah jabatan, ketua-ketua formasi, pegawai pemerintah, pegawai-pegawai kanan serta anggota dan warga kakitangan awam PPDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar dan kemudiannya diteruskan dengan pengagihan daging-daging korban oleh tetamu kehormat kepada para penerima. Majlis tersebut diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Pada tahun ini, seramai 49 peserta menyertai ibadah korban yang melibatkan sebanyak tujuh ekor sapi untuk dikorbankan. Sebahagian daging ibadah korban sunat tersebut telah diagihkan kepada 150 orang asnaf di bawah Mukim Gadong 'A' dan Gadong 'B'.

Peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail dapat mengasuh dan mendidik diri untuk bersikap sabar terhadap apa jua ujian yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam mengharungi arus kehidupan, tidak mudah mengeluh dan tetap menyerah dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ketahuilah, apa pun jua keadaan dan musibah yang berlaku, semuanya itu adalah ketentuan dan ketetapan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 156 yang membawa maksud, iaitu *"Orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah, mereka berkata : Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jualah kami kembali"*.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengangkutan) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mengagihkan daging korban kepada penerima.**

## Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan Kawasan 2

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**LAMBAK KANAN**, Ahad, 2 Julai. - Korban bermaksud menyembelih binatang an'am (ternakan) yang dilakukan pada Hari Raya Aidiladha dan Hari-hari Tasyriq dengan tujuan beribadat kepada Allah.

Dalam mengharapkan ganjaran pahala dan kelebihan ibadah korban itu, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan Kawasan 2 hari ini mengadakan Majlis Ibadah Korban bertempat di kediaman rumah Ketua Kampung, RPN Lambak Kanan, Awang Haji Omar bin Haji Sapar.

Hadir mengagihkan daging korban ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar.

Daging korban diagihkan kepada lebih 30 asnaf fakir miskin dari penduduk Kampung Lugu, Rimba dan RPN Kampung Panchor, Mengkubau. Bagi tahun ini, Majlis Ibadah Korban berkenaan telah mengorbankan empat ekor kerbau daripada 28 peserta.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diikuti laungan Selawat Tafrijiyyah dan Sayyidul Istighfar yang dipimpin oleh Begawan Mudim Haji Ahmad Khasrah bin Haji Ibrahim.




**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengangkutan) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa sesi bergambar ramai pada majlis tersebut.**

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung
Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270.00 - BND4,240.00)

atau

Ketua Kampung
Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990.00 - BND2,970.00)

atau

Ketua Kampung
Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280.00 - BND2,270.00)

bagi

Daerah Belait

1. Ketua Kampung Mumong A
2. Ketua Kampung Mumong B
3. Ketua Kampung Pekan Kuala Belait A
4. Ketua Kampung Pandan C
5. Ketua Kampung Pandan D
6. Ketua Kampung Pandan E
7. Ketua Kampung Lumut I
8. Ketua Kampung Lumut III
9. Ketua Kampung RPN Lumut Kawasan I
10. Ketua Kampung Pekan Seria Kawasan 1
11. Ketua Kampung Pekan Seria Kawasan 2
12. Ketua Kampung Sungai Bera
13. Ketua Kampung Panaga
14. Ketua Kampung Merangking
15. Ketua Kampung Labi I

**TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN :**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Isnin, 13 Muharam 1444H bersamaan 31 Julai 2023, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 3334335 / 336 sambungan 1115 / 1127 / 1185.

**JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Sebut Harga :
3 / JPB / SH / 2023

Tajuk Sebut Harga :
MEMBEKALKAN DAN MENYEDIAKAN JAMUAN MAKAN MINUM JABATAN PENJARA BAGI TEMPOH 2 TAHUN.

Bilangan Sebut Harga :
4 / JPB / SH / 2023

Tajuk Sebut Harga :
MEMBEKALKAN DAN MENYEDIAKAN CATUAN REKRUT, JABATAN PENJARA BAGI TEMPOH 6 - 9 BULAN

Bilangan Sebut Harga:
5 / JPB / SH / 2023

Tajuk Sebut Harga :
MEMBEKALKAN PERABOT KERUSI

Tarikh Tutup Sebut Harga :
18 Julai 2023.
Jam 2.00 Petang.

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran :
UBD / E8 / 014 / 2023 - [G]

Tajuk Tawaran :
The Supply, Deliver, Install and Commission One (1) Complete Set Of Scanning Electron Microscope For Faculty Of Integrated Technologies (FIT), Universiti Brunei Darussalam

Bayaran Dokumen & Pentadbiran :
BND35.00
[Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
18 Julai 2023.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Sebut Harga :
APM.2023-2024 / SH-04

TO DESIGN, SUPPLY, FABRICATE AND INSTALL TV LOUNGE AT SATELLITE AREA, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

Bilangan Sebut Harga :
APM.2023-2024 / SH-05

TO SUPPLY, FABRICATE AND INTSALL FREE TO USE SNOOZE ZONE AT DEPARTURE AREA, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

Tarikh Iklan/ Mengambil Dokumen Tawaran :
Rabu,
Bermula 28 Jun 2023.
Selama 2 minggu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Tidak lewat
Rabu,
Tidak lewat jam
11.00 Pagi.
12 Julai 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
12 Julai 2023.
Jam 2.00
Petang.

Alamat Kepada :
Pengerusi
Jawatankuasa
Sebut Harga
Jabatan Penerbangan Awam
d/a Tingkat Bawah,
Bahagian Kewangan,
Ibu Pejabat Jabatan
Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi,
Bandar Seri Begawan
BB 2513
Negara
Brunei Darussalam.

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
RTB / 03 / 2023

TAJUK TAWARAN :
THE PROVISION OF LEASING GRAPHIC EDITING WORKSTATIONS WITH RELATED SOFTWARE AND SERVICES FOR RADIO TELEVISION BRUNEI FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
25 Julai 2023,
Selasa,
jam 2.00
Petang.

**JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
Q.JDT / 20 / 2023

Tajuk Tawaran :
Sebut Harga Pakaian Peserta Persembahan Khas Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat Penduduk Daerah Tutong Sempena Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun 2023.

Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
6 Julai 2023.
Jam 2.00 Petang.

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI

PENGHULU
MUKIM TINGKAT III
- PMKK.4
(BND3,880.00 - BND4,240.00)

BAGI
DAERAH BELAIT

1. Mukim Labi
2. Mukim Sukang

**TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN :**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung
Jabatan Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Isnin, 13 Muharram 1444H bersamaan 31 Julai 2023, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 3334335 / 336 sambungan 1115 / 1127 / 1185.

**JABATAN BURUH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
PJB / 3003 / T / 05 / TK2023-2024

Tawaran Kawalan Serangga Perosak (Pest Control) Bagi Tempoh Selama 1-Tahun (12 Bulan) Di Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Buruh.

Tarikh Tutup :
18 Julai 2023.
Jam 2.00 Petang.

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005**

**Saman Gantian Dalam Mahkamah Rendah Syariah Di Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam**

**Saman No.:**
**BM / MRS / P012A / P012A / 0156 / 02-2023**

**Kes Induk:**
**BM / MTS / MAL-B / MAL-B / S010A / 0155 / 02-2023**

Antara

**Ernisuzzanah Binti Haji Hamidun**
**- Plaintif / Pemohon**

Dan

**Azman Bin Abdullah**
**- Defendan / Responden**

**Kepada : Azman Bin Abdullah, No. Kad Pengenalan: 30-203623 [Penduduk Tetap], Beralamat [Alamat Terakhir] : No. 45, Kampong Sumbiling, Negara Brunei Darussalam.**

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syar'ie kamu di hadapan **Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Brunei dan Muara** pada **Isnin, 28 Zulhijah 1444H bersamaan 17 Julai 2023M** pada **jam 2.00 petang** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, bagi Tuntutan Cerai Fasakh.

**Sila ambil perhatian** bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di mahkamah ini dan menyampaikan kepada **Plaintif** suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di mahkamah pada tarikh itu.

**Bertarikh :**
**18 Zulkaedah 1444H / 7 Jun 2023M**

**Meterai Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara Negara Brunei Darussalam**

---

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No. BCY / CP / 72 / 2021**

**Malayan Banking Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Chua Bin Pee**
**(50-740671)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 Jun 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Chua bin Pee**
**No. 12, Simpang 267-23-33, Jalan Rimba, Kg. Rimba, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
5 Jun 2021

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
7 Jun 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **11 Jun 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 11 Julai 2023, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **11 Julai 2023, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
7 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 33 / 2023**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Muhd Ridhuan bin Muhd Norhisyam**
**(00-311959)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 Mei 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Muhd Ridhuan bin Muhd Norhisyam**
**No. 13, Kampung Long Mayan, Tutong, TF4747, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
2 Mei 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
6 Jun 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **25 Mei 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 13 Julai 2023, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **13 Julai 2023, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
6 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 232 / 2021**

**Royal Brunei Technical Services Sdn Bhd**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Mohamad Fikri Rafe'e bin Rahman**
**[Trading under the name and style of Sapphire Gen Shipping & Services {P20014830}]**
**(01-071265)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **4 Jun 2022.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Mohamad Fikri Rafe'e bin Rahman**
**[Trading under the name and style of Sapphire Gen Shipping & Services {P20014830}]**
**No. 32, Simpang 51-14-5, STKRJ Rimba, Gadog, BE3119, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
24 Mac 2022

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
6 Jun 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **4 Jun 2022.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 20 Julai 2023, jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **20 Julai 2023, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**>> Muka 23**



>> Muka 22

**Bertarikh :**
6 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 162 / 2020**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Haji Norsaid bin Haji Md Zain (00-110457)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **29 September 2022.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Haji Norsaid bin Haji Md Zain**
**No 9, Simpang 262-8, Jalan 10 Utara, Perpindahan Lambak Kanan, Berakas, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
11 Ogos 2020

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
1 Jun 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **29 September 2022.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 26 Jun 2023, jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 Jun 2023, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
1 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 127 / 2021**

**BIBD AT-Tamwil Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Fatin Nuramalina binti Abdullah Gending @ Kestina Anak Gending (00-294070)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 Ogos 2022.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Fatin Nuramalina binti Abdullah Gending @ Kestina Anak Gending**
**No 52, Simpang 339, Kg Penabai Tutong, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
12 Julai 2022

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
5 Jun 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **11 Ogos 2022.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 11 Julai 2023, jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **11 Julai 2023, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
5 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 420 / 2017**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Muhammad Khairum bin Gana (BYIC No. 00-306213) - **Alamat** - No. 13, Simpang 1185-73-180, RPN Kg Bukit Beruang, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 420 Tahun 2017. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 38% **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar -** 30 Mei 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
1 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 127 / 2016**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Haji Abd Rahim bin Haji Matusin (BYIC No. 00-073540) - **Alamat** - No. 2, Simpang 66-38-87, Kg Bengkurong, BF1920, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 127 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 19.7% **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar -** 30 Mei 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
1 Jun 2023

**Muhammad Syafiq bin Haji Awang Zakaria**
**Timbalan Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran :**
**MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 / T / AP / 001 [JPPK / LTK / 07 / 2023]**
**Proposed Design & Build Of the Extension, Renovation and Additional VVIP Toilets to the Existing Royal Dais, Defence Academy, Kg. Tanah Jambu.**

**Kelas :**
**III dan ke atas sahaja**

**Kategori :**
**KA01 atau B01**

**Tempoh Penyiapan Kerja :**
**Tiga (03) Bulan**

**Yuran Tawaran :**
**BND 30.00**
**(Tidak dikembalikan)**

TARIKH terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 4 Julai 2023

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 11 Julai 2023.**
**Jam 2.00 Petang.**

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan Sebut Harga :**
**06 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2023**
**(Re-Quotation)**

**Membekal, Menghantar, Memasang dan Mengujilari Mesin Projektor Multimedia Berserta Aksesori Kit Mount Siling Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah- Sekolah Arab, Jabatan Pengajian Islam**

**Bilangan Sebut Harga :**
**07 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2023**
**(Re-Quotation)**

**Membekal, Menghantar, Memasang dan Mengujilari Mesin Projektor Multimedia Berserta Aksesori Kit Mount Siling Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah- Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
**Rabu,**
**26 Julai 2023.**
**Jam 2.00 Petang**

---

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga :**
**15 / JMM / S / 12 / 91 (2023/2024)**

**Tajuk Sebut Harga :**
**'To Supply and Install New Fire Alarm System Including Control Panel and Devices' Untuk Galeri Pusat Informasi Taman Arkeologi Kota Batu, Bahagian Arkeologi dan Monumen, Jabatan Muzium-Muzium**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
**Khamis,**
**6 Julai 2023**
**Tidak lewat**
**Jam 2.00**
**Petang**

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 40 / 23-24**
**Penerbitan Rancangan Sukmaindera**
**Genre :**
**Doku Majalah - Informatif.**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 41 / 23-24 - Penerbitan Rancangan Sukmaindera Genre : Drama - Kanak-Kanak - Kekeluargaan, Tauladan dan Komedi.**

**Bayaran Yuran :**
**BND5.00**
**(Tidak dikembalikan)**
**(Termasuk e-dokumen)**

**Salinan Kertas :**
**BND5.00**
**(Jika perlu dan tidak dikembalikan)**
***(Hardcopy)***

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 5 Julai 2023.**
**Jam 2.00 Petang.**

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Sebut Harga :**
**KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUAMP RIPAHS, KATOK / 2023-2024**

**Tajuk Sebut Harga :**
**Perkhidmatan Pengurusan dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1444H - 1445H / 2023M - 2024M.**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
**Rabu, 23 Zulhijjah 1444H / 12 Julai 2023M.**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang.**

# Sambutan Majlis-majlis Ibadah Korban

## KUPU SB

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



RA'ES KUPU SB hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan pengagihan daging korban kepada para penerima (atas dan kanan).



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Julai. - Dalam menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memperingati sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Majlis Ihya 'Eid Al Adha yang diisikan dengan Majlis Ibadah Korban dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan pengagihan daging korban ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Sebanyak tiga ekor kerbau dan seekor kambing disembelih dan sebahagian diagihkan kepada 58 orang pelajar dan warga KUPU SB serta individu yang berkeperluan.

Ihya' dimeriahkan lagi dengan Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi warga KUPU SB dengan hidangan pelbagai juadah di mana melalui sambutan diharapkan dapat mengukuhkan semangat kekeluargaan dan ukhuwah dalam kalangan warga KUPU SB.

Antara tujuan penganjuran majlis yang dikelolakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan KUPU SB ialah untuk memperdekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan ibadah korban, di samping menanamkan amalan bersedekah terhadap golongan fakir miskin serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga KUPU SB terhadap kerja bergotong-royong seterusnya memberikan peluang kepada warga KUPU SB untuk mengikuti ibadah korban khususnya di dalam kampus.

Turut diselitkan dalam sambutan berkenaan Ialah Majlis Penutup Program Mobiliti Pelajar Serantau ke KUPU SB 2023 yang telah diadakan pada 25 Jun hingga 3 Julai 2023 dengan penyerahan sijil penghargaan kepada 15 pelajar serantau yang menyertai program mobiliti berkenaan.

Pelajar-pelajar terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi dari Universiti Malaya, Universiti Sains Islam Malaysia, Kolej Universiti Islam Selangor, Universiti Mulawarman, Universiti Dharmawangsa, Universiti Pendidikan Indonesia, Universiti Islam Malang dan Universiti Kasersart, Thailand.

## UNISSA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali



REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban dan Akikah sempena Hari Raya Aidiladha dan Penyampaian Insentif Pelajar bagi Pencapaian 2022 Masihi, UNISSA (atas dan atas kanan).



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Julai. - Ibadah korban merupakan amalan sunat yang sangat digalakkan dalam Islam iaitu dengan menyembelih binatang tertentu pada Hari Raya Aidiladha, 10 Zulhijah dan Hari Tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijah sebagai tanda syukur seorang hamba atas nikmat yang diberikan di samping mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam memuliakan dan meraikan Sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar mengadakan Majlis Ibadah Korban dan Akikah sempena Hari Raya Aidiladha dan Penyampaian Insentif Pelajar bagi Pencapaian 2022 Masihi, UNISSA yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kampus Sinaut UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang penuh berkebajikan tersebut, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan aktiviti bergotong-royong dan diteruskan dengan pembungkusan serta pembahagian daging korban. Majlis diteruskan dengan penyampaian insentif bagi pelajar-pelajar UNISSA dan pengagihan daging korban ke asnaf fakir miskin dan juga warga UNISSA.

Majlis diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang, Profesor Dato Dr. Zulkifly bin Muda.

Inti pati dari tazkirah tersebut menyentuh mengenai dengan sejarah ibadah korban dan keistimewaannya yang telah dilalui oleh para nabi-nabi yang terdahulu.

Ia juga menekankan betapa agung nya aspek pengorbanan dalam semua aspek kehidupan untuk meraih keberkatan di sisi Allah sama ada duniawi dan ukhrawi.

Sebanyak empat ekor kerbau dikorbankan dan seterusnya diagihkan kepada penerima-penerima yang terdiri daripada golongan asnaf sekitar Kampung Sinaut, Kampung Sungai Kelugos dan juga warga UNISSA.

Turut hadir, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai, tenaga akademik, pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA.

Majlis tersebut merupakan aktiviti tahunan UNISSA ini diadakan bagi sama-sama merebut peluang untuk melaksanakan ibadah korban dan sekali gus mengeratkan lagi hubungan silaturahim khususnya dalam kalangan masyarakat dan warga UNISSA.




# IMBASAN MINGGUAN



KHATAM Al-Quran beramai-ramai dan Majlis Doa Kesyukuran bersempena 30 Tahun Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB). - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



KERJA-kerja proses penyembelihan dan melapah serta pembungkusan bagi binatang Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.



PENCERAMAH undangan, Dr. Haji Gamal Abdul Nasir bin Haji Zakaria pada Ceramah Khas sempena Aidiladha 1444 Hijrah. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.




AKTIVITI penanaman pokok yang berlangsung di Taman Rekreasi Pantai Muara dianjurkan sebagai sebahagian daripada Minggu Alam Sekitar sempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei MYCE) 2023. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



SEBAHAGIAN mereka yang menyertai Walkaton Amal di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas sempena pelancaran IBTE Donation Drive. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

# LIPAT GANDAKAN AMALAN KEROHANIAN, MOHON PERLINDUNGAN ALLAH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 2 Julai. - Program Munajat Kali Ke-92, Khas untuk Wanita Ke-10 yang diadakan semalam begitu istimewa kerana diserikan oleh penyertaan jemaah haji wanita termasuk para pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) serta para pegawai Pembimbing Ugama Darussalam Services Sdn. Bhd. dan lebih-lebih lagi kesemua pembaca utamanya diperdengarkan secara maya dari Mekah Al-Mukarramah.

Acara Munajat malam semalam turut mengundang tetamu khas, Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dari Mekah Al-Mukarramah.

**ACARA Munajat turut mengundang tetamu khas, Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi.**



Seterusnya, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Sekolah Ugama Jerudong, Brunei III, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Nurhafizah binti Ali Hassan, juga dari Mekah Al-Mukarramah.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pembimbing Ugama, Darussalam Services, Dayang Hajah Rusita binti Haji Yahya, dari Mekah Al-Mukarramah.

Diikuti Tazkirah bertajuk 'Apa Selepas Haji?' disampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong dari Mekah Al-Mukarramah.

Antara inti pati tazkirah tersebut menyarankan agar "Sebaik sahaja selesai menunaikan Haji, para Jemaah Haji janganlah kembali kepada berbuat dosa. Sebaliknya hendaklah memelihara semangat dan roh ibadah pada prestasi yang tertinggi yang pernah dilakukan semasa acara Manasik Haji sebagai Mukhaiyyam Tarbawi".

Sejurus selesai tazkirah, bacaan Asmaul Husna dipimpin oleh Pembantu Pensyarah dalam Pengajian Dasar, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hamizah binti Haji Haidi dari Mekah Al-Mukarramah.

Bagi memberkati acara Munajat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD dibacakan oleh Pegawai Pembimbing Ugama, Darussalam Services, Dayang Hajah Norsinah binti Haji Hussin, dari Mekah Al-Mukarramah.

Turut sama mengimarahkan acara Munajat Malam tersebut ialah para Muslimah dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dari beberapa buah masjid di seluruh NBD serta warga kerja wanita KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Malam Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan kerohanian dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, berdoa agar jemaah haji NBD khasnya dan seluruh umat Islam amnya selamat dan mendapat haji mabrur serta rakyat dan Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara dari sebarang musibah yang tidak diingini dan berjaya membendung penularan penyakit merbahaya seperti COVID19.

Orang ramai sangat dialu-alukan untuk menyertai Malam Munajat dari mana jua berada pada setiap Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan *http://tiny.cc/munajatkheuwanita* atau *https://www.facebook.com/pdi.kheu/*.







MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Jangan Salah Guna Lesen Perniagaan'.** Tarikh Tutup : **5 Julai 2023**
2. **'Menghayati Ibadah Korban'.** Tarikh Tutup : **12 Julai 2023**
3. **'Bersama Menghentikan Isu Buli'.** Tarikh Tutup : **19 Julai 2023**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang


## HASRAT NEGARA

### Sambut Aidiladha dalam suasana aman, penuh tanggungjawab dan bersyukur

**>> Muka 2**

Pendekatan pihak ugama melihat, bahawa penyakit mental itu pangkalannya ialah 'di hati', dan penyakit hati pula menurut Al-Quran ubatnya ialah 'zikir'. Pendekatan ini pada hemat beta amatlah menyuntik untuk difikirkan sebagai salah satu jenis rawatan di pusat-pusat perubatan. Pihak-pihak berkenaan kesihatan dan ugama sangat elok untuk menunduki perkara ini bersama-sama.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd**

Mengenai fenomena pemanasan, kita di negara ini patut sama-sama peka untuk sentiasa berhati-hati, kerana cuaca yang sangat panas boleh membawa kesan buruk kepada tubuh badan, seperti contohnya boleh membawa kepada 'strok haba'.

Oleh hal yang demikian, langkah terpenting ialah mematuhi segala garis panduan kesihatan seperti antaranya, meminum banyak air tanpa perlu menunggu sehingga dahaga, membatasi aktiviti luaran dan memakai pakaian yang bersesuaian dan sebagainya.

Kerana pemanasan melampau juga adalah satu musibah, maka kita orang-orang Islam janganlah lupa untuk membanyakkan doa dan ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dengan memohon supaya kita dan negara diberikan perlindungan oleh Allah daripada kesan pemanasan yang membahayakan itu.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd**

Beta juga berharap, supaya para jemaah haji kita di Tanah Suci akan sama-sama mengambil ingatan bagi melindungi diri masing-masing daripada kesan pemanasan melampau yang menjejaskan kesihatan dan keselamatan. Semoga mereka akan sentiasa mendapat perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala di sepanjang kerja-kerja haji, serta juga akan beroleh haji yang mabrur. Amin

Untuk akhirnya, beta dan keluarga beta sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha Al-Mubarak kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana sahaja mereka berada.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# KEBAWAH DYMM PRIHATIN HAL EHWAL KEBAJIKAN RAKYAT



DAYANG Nurnisydah binti Haji Ali, Dayang Ummi Balqis binti Morshidi dan Awang Mohamad Arman bin Haji Abdullah semasa ditemu bual.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**JERUDONG**, Ahad, 2 Julai. - Keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli hal ehwal kebajikan rakyat di Negara Brunei Darussalam (NBD) sentiasa diambil perhatian.

Bukan itu sahaja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut mengambil berat soal tempat perlindungan bagi rakyat di negara ini.

Justeru, penerima-penerima kunci semasa Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Temburong serta Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah, Unit Pangsapuri dan Lot-lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara (SPN) bagi DBM rata-rata di Dewan Persidangan BRIDEX, rata-rata merasa terharu dan gembira kerana menerima penganugerahan daripada baginda.

Dayang Nurnisydah binti Haji Ali yang menerima Skim Perumahan Rimba (Teres), semasa ditemu bual Pelita Brunei berkata penantian untuk memiliki rumah sendiri akhirnya tercapai setelah menanti selama 20 tahun iaitu sejak tahun 2003.

"Syukur alhamdulillah, junjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas penganugerahan ini," ujarnya.

Seterusnya, penerima Geran Tanah di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi DBM, Awang Haji Nuar bin Haji Salleh menjelaskan kebenaran untuk menduduki tanah tersebut adalah pada tahun 2000.

Di bawah penggeranan tanah yang terletak di Kampung Pengkalan Sibabau, beliau kini mendiami tempat tersebut selama 14 tahun bersama keluarganya.

Beliau seterusnya menyembahkan setinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas kurnia kunci penggeranan tanah berkenaan.

Sementara itu, Awang Chua Chin Wen yang menerima Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah, Unit Pangsapuri melahirkan perasaan teruja dan gembira dapat memiliki rumah pangsapuri yang telah dipohon sejak tahun 2010.

"Terima kasih baginda Sultan kerana memberikan peluang untuk memiliki rumah ini dengan persekitaran yang baik buat anak-anak kami," tambahnya.

Begitu juga dengan Awang Yong Cheng Kong yang juga menerima Unit Pangsapuri Lambak Kanan.

Awang Yong Cheng Kong juga berasa teruja dan bersyukur sekali kerana kini saya mempunyai rumah sendiri di DBM.

Beliau berharap dengan kediaman baharu ini akan memberikan kehidupan yang lebih selesa dan mudah buat keluarganya.

"Saya menjunjung kasih yang tidak terhingga ke hadapan majlis Kebawah DYMM di atas perkenan baginda menganugerahkan anak-anak kunci rumah pangsapuri yang telah mencerminkan keprihatinan baginda akan keselesaan rakyatnya," ucapnya lagi.

Perasaan teruja turut dirasai sama oleh Awang Nicholas Lim Khai Wei yang juga menerima Unit Pangsapuri Lambak Kanan.

"Saya berasa sangat gembira dan bersyukur kerana telah mendapat rumah kediaman sendiri lebih-lebih lagi dengan kehidupan yang sudah berkeluarga. Saya telah memohon untuk mendapatkan rumah pada tahun 2009.

"Saya berharap dengan adanya rumah baharu ini, saya dapat menjalani kehidupan yang selesa di kediaman saya. Saya juga berharap dengan fasiliti-fasiliti yang telah disediakan di kawasan pangsapuri ini akan terus dijaga dengan baik oleh semua pihak untuk kesejahteraan dan keselesaan semua," katanya.

Awang Yong Cheng Kong menyembahkan ucapan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM kerana telah memberikan rumah jenis pangsapuri yang selesa untuk mereka tinggal sekeluarga berserta dengan kemudahan-kemudahan lain yang ada disediakan.

Kemudian, penerima Skim Perumahan Rimba (Teres), Awang Rosnan bin Haji Abdul Rahman telah menantikan permohonan ini selama 18 tahun.

Beliau yang masih berkhidmat di salah sebuah sektor kerajaan pula berharap rumah baharu ini akan memberi kehidupan yang lebih baik kepada mereka sekeluarga dalam menjalani kehidupan seharian.

"Menjunjung kasih baginda Sultan atas kurnia penganugerahan kunci kepada kami dan saya berdoa agar baginda akan dikurniakan afiat dan kekal karar memerintah negara ini dalam suasana aman dan damai," tambahnya.

Salah seorang lagi penerima, Awang Mohamad Arman bin Haji Abdullah yang menerima Skim Perumahan Rimba (Teres) pula menyembahkan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas kurnia perkenan yang diberikan kepada beliau.

Beliau berharap pengurniaan ini akan memudahkan mereka sekeluarga dalam menjalani kehidupan seharian dan memberi sinar keceriaan.

Dalam pada itu, Dayang Ummi Balqis binti Morshidi amat bersyukur dan gembira kerana telah dikurniakan unit pangsapuri yang memuaskan.

Beliau yang menantikan rumah tersebut sejak memohon pada tahun 2008 kini berharap tempat tinggal baharu berkenaan dapat dijaga dengan baik malah jiran-jiran yang baik dan sentiasa menjaga persekitaran dengan bersih.

"Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan junjung kasih kepada Kebawah DYMM, semoga baginda sentiasa diberkati usia dan kesihatan, dijaga dan dilindungi Allah Subhanahu Wata'ala serta dikukuhkan kepimpinan baginda agar dapat membawa rakyat dan negara Brunei sentiasa kekal menikmati keamanan dan kesejahteraan," ujarnya.

Menurut penerima rumah pangsapuri, Dayang Ruzita binti Kamis yang juga menantikan selama 13 tahun melahirkan perasaan bersyukur dan gembira mendapat perumahan kurnia dari Kebawah DYMM.

Dalam pada itu, beliau juga merafakkan sembah ucapan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM baginda Sultan di atas pengurniaan ini, selain amat bersyukur dan gembira di atas kurniaan dari baginda.



DAYANG Ruzita binti Kamis.



AWANG Rosnan bin Haji Abdul Rahman.



AWANG Yong Cheng Kong, Awang Chua Chin Wen dan Awang Nicholas Lim Khai Wei semasa ditemu bual.

**"SAYA berasa sangat gembira dan bersyukur kerana telah mendapat rumah kediaman sendiri lebih-lebih lagi dengan kehidupan yang sudah berkeluarga. Saya telah memohon untuk mendapatkan rumah pada tahun 2009. "Saya berharap dengan adanya rumah baharu ini, saya dapat menjalani kehidupan yang selesa di kediaman saya. Saya juga berharap dengan fasiliti-fasiliti yang telah disediakan di kawasan pangsapuri ini akan terus dijaga dengan baik oleh semua pihak untuk kesejahteraan dan keselesaan semua".**




# Kemajuan dalam perancangan pembangunan negara

**Terjemahan oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Sumber : Brunei Darussalam Sustainable Developments Goals Annual Report 2022**
**Foto : Jabatan Penerangan**
**Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei**

### Perkongsian untuk matlamat

**NEGARA** Brunei Darussalam (NBD) mengiktiraf akan keperluan untuk meningkatkan komitmen terhadap perkongsian dan kerjasama global melalui pendekatan seluruh negara untuk mencari penyelesaian jangka panjang ke arah mencapai SDG di tengah-tengah pelbagai cabaran yang sedang dihadapi oleh dunia pada masa ini. Untuk membina kembali dengan lebih baik daripada pandemik, transformasi skala penuh adalah diperlukan.

### Bantuan pembangunan meningkat, sebahagian besarnya disebabkan oleh bantuan berkaitan COVID-19

Memandangkan sifat pandemik yang berterusan dan perbezaan ketara dalam pengedaran vaksin antara negara yang berbeza, NBD telah membantu dalam bentuk kewangan dan barangan secara *ad hoc*, seperti sumbangan kepada dana bantuan COVID-19 dan vaksin kepada negara seperti Malaysia, Indonesia, Filipina dan China. Dalam semangat membantu negara-negara lain dalam perjalanan pembangunan mereka, NBD terus memberikan bantuan kewangan dan teknikal kepada negara lain melalui organisasi antarabangsa, termasuk program seperti Agensi Bantuan dan Kerja Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (UNRWA) dan Tabung Komanwel bagi kerjasama teknikal (CFTC).

### Pembiayaan untuk pembangunan bertambah baik

Sebagai cara untuk meningkatkan kapasiti domestik untuk kutipan hasil serta mengukuhkan penggemblengan sumber domestik, Sistem One Common Billing (OCBS) diperkenalkan yang berfungsi sebagai platform bersama untuk memudahkan orang ramai membuat pembayaran dalam talian. Ia juga membantu jabatan yang tidak mempunyai sistem pengebilan untuk mengutip hasil dan mengurangkan hasil tunggakan. Sejak penubuhannya pada tahun 2020, sebanyak lapan agensi kerajaan - Jabatan Kemajuan Perumahan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Unit Jualan dan Hasil (Stor Negeri) di bawah Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Pertahanan - telah pun *on-board*, manakala empat lagi agensi dijangka menyelesaikan proses *onboarding* mereka menjelang akhir 2022.

Satu lagi inisiatif untuk memudahkan komuniti perniagaan ialah One Common Portal. Sistem ini merupakan inisiatif Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk menyediakan komuniti perniagaan dengan satu platform untuk menguruskan kewajipan perniagaan mereka dalam talian - daripada pendaftaran perniagaan dan pemerbadanan syarikat kepada menguruskan obligasi cukai mereka, memfailkan penyata tahunan serta membayar caj untuk pendaftaran sebuah perniagaan.

NBD juga menggalakkan dan mempromosi Public-Private Partnerships (PPP) yang berkesan, khususnya dalam projek infrastruktur, melalui Fiscal Consolidation Programme (FCP). Program ini bertujuan untuk meminimumkan kos kerajaan dalam penyediaan infrastruktur, barangan dan perkhidmatan awam yang berkualiti; meningkatkan produktiviti, kecekapan, dan kualiti barangan dan perkhidmatan tersebut; dan meningkatkan prestasi sektor ekonomi keutamaan. Projek tersebut termasuk pengkorporatan Kilang Beras Kerajaan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebagai sebahagian daripada memastikan keselamatan makanan di NBD.

### Meningkat dalam penggunaan Internet

Berdasarkan tinjauan ICT 2019 untuk Individu, Isi Rumah dan Perniagaan, 95 persen daripada responden menggunakan Internet setiap hari pada tahun 2018. Sejak kemunculan COVID-19, Internet menjadi penting untuk bekerja, belajar, mendapatkan perkhidmatan asas dan kekal berhubung.

### Kepentingan data, statistik untuk membuat keputusan yang baik

Data berkualiti tinggi telah terbukti penting dalam membimbing membuat keputusan untuk pembangunan, terutamanya semasa wabak. Untuk tujuan ini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk memantau dengan lebih baik kemajuan SDG.

Jawatankuasa Pandu Penyelarasan Data Kebangsaan telah ditubuhkan pada 2020 sebagai platform untuk bekerjasama ke arah memperkukuh data sosioekonomi dengan mengukuhkan peranan agensi sumber data dalam usaha mengurangkan jurang data. Di bawah jawatankuasa ini, sebanyak enam jawatankuasa kerja yang masing-masing diketuai oleh Setiausaha Tetap telah ditubuhkan iaitu Pelancongan, Kewangan, Industri, Perumahan dan Alam Sekitar, Kesaksamaan jantina dan Ketidakupayaan, dan Ekonomi Digital.





# ڤغوربانن إيبو باڤ ترهادڤ أنق-أنق

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠڬلكن كإمانن كڤدڽ. مسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوڬ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

الحمدلله، كيت ماسيه برادا دالم سواسان عيدالأضحى يأيت دهاري-هاري تشريق. دسلوروه دنيا أومة إسلام سيبوق ملقسناكن عباده قربان. بڬيتو جوڬ دنڬارا كيت، عباده قربان ماسيه ڬيات دلقسناكن سام اد اوله ڤيهق مسجد، كمڤوڠ، مقيم، ڤرساتوان، جابتن، كمنترين اتو اوله ڤيهق ڤرسنديرين دان سباڬين.

سباڬيمان يڠ كيت كتهوي، عباده قربان اداله ساله ساتو شريعة دري نبي إبراهيم عَلَيْهِ السَّلَامُ يڠ دڤرينتهكن اوله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ددالم ميمڤين سوڤاي بڬندا مڠوربنكن ڤوتراڽ نبي إسماعيل عَلَيْهِ السَّلَامُ يڠ ترچينتا. ڤيصه كصبرن دان كطاعتن نبي إبراهيم دان نبي إسماعيل عَلَيْهِمَا السَّلَامُ دالم منطاعتي اڤ يڠ تله دڤرينتهكن اوله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ايت اداله ساڠت دكاكومي دان واجر كيت امبيل إعتبار.

نبي إسماعيل عَلَيْهِ السَّلَامُ اداله سأورڠ أنق يڠ صالح، بڬندا ريلا دجاديكن قربان دمي منطاعتي ڤرينته الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دان منطاعتي أيهنداڽ. كطاعتن بڬندا هندقله كيت جونجوڠي دالم بربقتي كڤد اورڠ توا كيت. سسڠڬوهڽ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ مواجبكن كيت انتوق طاعة دان بربقتي كڤد كدوا إيبو باڤ يڠ تله منجاڬ دان ممبسركن كيت. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة البقرة آية ٨٣:

**"دان (إيڠتله واهي نبي محمد) كتيك كامي مڠمبيل جنجي ستيا دڠن بني إسرائيل (دڠن برفرمان): جاڠنله كامو ميمبه ملاينكن الله دان بربوات بايكله كڤد إيبو باڤ"...**

جماعه يڠ درحمتي الله،

كيت تاهو بتاڤ إيبو باڤ أمت مڽايڠي أنق-أنق مريك. كاسيه سايڠ دان ڤڠوربانن إيبو باڤ دالم منجاڬ كيت مروڤاكن جاس يڠ تيدق موڠكين تربالس. إيبو باڤ منجاڬ كصيحتن دان كسلامتن أنق-أنق مليبيهي ديري مريك سنديري. اڤبيل أنق صيحت دان ڬمبيرا، هاتي إيبو باڤ توروت ڬمبيرا. سڬل كسوسهن دان كڤايهن دالم منجاڬ دان ممبسركن أنق-أنق دهاروڠي دڠن صبر.

سسڠڬوهڽ مليهت أنق ممبسر سهيڠڬ داڤة هيدوڤ برديكاري مروڤاكن سوات كبڠڬأن كڤد إيبو باڤ. إيبو باڤ تيدق ڤرنه ممينتا بالسن أتس ڤڠوربانن مريك ترهادڤ أنق-أنق، چوكوڤ باڬي مريك مليهت أنق-أنق برجاي دان بهاڬيا، مك مريك جوڬ توروت مراسا بهاڬيا. چوكوڤله جك أنق-أنق بربقتي دان مڠحرمتي مريك. بربقتي كڤد اورڠ توا اداله واجب. كتهويله، بهاوا بربوات بايك كڤد إيبو باڤ ممڤو مڠاڠكت درجت سأورڠ أنق كمقام يڠ تيڠڬي دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

إين جلس تربوقتي سباڬيمان سبواه ڤيصه يڠ ترچاتت دالم كتاب صحيح مسلم، **أُسَيْرِ بن جَابِر رَضِيَ اللهُ عَنْهُ بركات، بياساڽ عمر بن الخطاب رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اڤبيل داتڠ ڤاسوكن بنتوان تنترا دري يَمَنْ دي اكن برتاڽ كڤد مريك جك اد دكالڠن مريك سأورڠ يڠ برنام أُوَيْس بن عَامِر. سهيڠڬ سوات كتيك عمر تله برتمو دڠن أُوَيْس بن عَامِر لالو بلياو برتاڽ: "ادكه أوق أُوَيْس بن عَامِر؟". اورڠ ايت منجواب: "يا!" عمر برتاڽ لاڬي، "ادكه أوق دولوڽ ڤرنه منداڤة ڤڽاكيت سوڤق لالو سمبوه كچوالي سديكيت يڠ تيڠڬل سبسر كڤيڠ واڠ درهم؟" اورڠ ايت منجواب، "يا!" عمر برتاڽ لاڬي "ادكه كامو مميليقي إيبو؟" اورڠ ايت منجواب "يا!" لالو عمر بركات: "اكو مندڠر رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: اكن داتڠ كڤد كاليان أُوَيْس بن عَامِر برسام ڤاسوكن بنتوان تنترا دري يَمَنْ، دي درڤد مَارَاد، كمودين درڤد قَرَنْ. دي دهولوڽ مميليقي ڤڽاكيت سوڤق لالو تله سمبوه درڤداڽ كچوالي سديكيت يڠ تيڠڬل سبسر كڤيڠ واڠ درهم. دي مميليقي سأورڠ إيبو يڠ اي سلالو بربقتي كڤداڽ، سأنداين إي برسومڤه دڠن نام الله نسچاي الله اكن ممقبولكن سومڤهن ايت. جك كامو ممڤو ممينتاڽ مك لاكوكنله". بركات عمر: "مينتاله أمڤون انتوقكو". مك أُوَيْس بن عَامِر ممينتا أمڤون انتوق عمر.**

دري ڤيصه ترسبوت داڤتله كيت مڠمبيل إعتبار بتاڤ تيڠڬي كدودوقن سأورڠ أنق يڠ بربقتي كڤد إيبو باڤ دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. اوله يڠ دمكين، بربوات بايكله كڤد إيبو باڤ دڠن ممبريكن ڤرهاتين سرت كاسيه سايڠ دڠن سڤنوه هاتي دان جيوا. ملياكن دان حرمتيله مريك، بركاتله دڠن بهاس يڠ لمبوت دان سوڤن، إيكوتله نصيحت مريك، سنتياسله مينڠڬكن هاتي دان مڠايلقكن ديري درڤد مڽاكيتي هاتي مريك سرت لقسناكنله ڤرينته إيبو باڤ سلاڬي تيدق برچڠڬه دڠن اجارن إسلام.

سلاين ايت، كيت هندقله جوڬ سنتياس مندعاءكن كبايكن دان كأمڤونن انتوق إيبو باڤ كيت كران دعاء سأورڠ أنق انتوق اورڠ تواڽ اداله ساله ساتو عمل جارية يڠ تيدق ترڤوتوس سام اد مريك ماسيه هيدوڤ اتوڤون تله منيڠڬل دنيا. إيڠتله، بهاوا سسڠڬوهڽ كريضأن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ايت ترلتق ڤد كريضأن إيبو باڤ. مانكلا كموركأن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ڤول ترلتق ڤد كموركأن إيبو باڤ ،سباڬيمان دالم حديث رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، درڤد عبدالله بن عمرو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا، درڤد نبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، بڬندا برسبدا: **رِضَا اللهِ فِي رِضَا الْوَالِدَيْنِ، وَسَخَطُ اللهِ فِي سَخَطِ الْوَالِدَيْنِ.**

**مقصودڽ:**

**كريضأن الله ترلتق ڤد كريضأن إيبو باڤن. دان كموركأن الله ترلتق ڤد كموركأن إيبوباڤن. {حديث رواية إمام ترمذي}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

اڤبيل إيبو باڤ تله توا دان لنجوت أوسيا، سوده تنتو كصيحتن مريك بركورڠ بهكن اد يڠ سوده تيدق برأوڤاي مڠوروسكن ديري سنديري. ترداڤة سبيلڠن اورڠ برأڠڬڤن بهاوا كادأن إيبو باڤ يڠ سدميكين مروڤاكن ساتو بن سهيڠڬ تيمبول راس برت انتوق منجاڬ دان ممدولي مريك. تيدقكه ترليتس دالم إيڠتن أنق-أنق اكن ڤڠوربانن إيبو يڠ مڠندوڠكن مريك، ملاهيركن، مڽوسوكن دان منجاڬ دڠن سدايا أوڤاي انتوق ممبسركن مريك.

إيبو باڤ برسوسه ڤايه منجاري رزقي، مڽدياكن تمڤت تيڠڬل، ممبريكن ڤلاجرن دان سڬل كڤرلوان-كڤرلوان لاين. ڤاتوتكه سأورڠ أنق براسا تربين انتوق منجاڬ إيبو باڤ مريك ڤد ساعت مريك ممرلوكن كاسيه سايڠ د ڤڠهوجوڠ أوسيا؟ ڤربواتن سدميكين اداله ڤربواتن درهكا يڠ ترماسوق دالم دوسا بسر.

كدوا إيبوباڤ مروڤاكن جالن اتو وصيلة انتوق مماسوقي شرڬ الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. اوله ايت، جك كيت بربقتي، بربوات بايك كڤد كدواڽ دان منطاعتي ڤرينته مريك دالم ڤركارا-ڤركارا يڠ معروف دان تيدق برتنتڠن دڠن أڬام، مك الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اكن مڠورنياكن كنجارن شرڬ. درڤد أبو درداء رَضِيَ اللهُ عَنْهُ ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **الْوَالِدُ أَوْسَطُ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ فَإِنْ شِئْتَ فَأَضِعْ ذَلِكَ الْبَابَ أَوِ احْفَظْهُ.**

**مقصودڽ:**

**اورڠ توا اداله ڤينتو شرڬ ڤاليڠ تڠه. كامو بوله سيا-سياكن ڤينتو إيت، اتو كامو منجاڬڽ. {حديث رواية إمام ترمذي}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

سسڠڬوهڽ ستيڤ إيبو باڤ سوده تنتو مڠايڠينكن دان مڠهارڤ أڬر أنق مريك منجادي أنق يڠ صالح. أنق يڠ صالح اداله أنق يڠ طاعة كڤد ڤرينته الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دان رسولڽ، دان أنق يڠ طاعة سرت بربقتي كڤد إيبوباڤڽ.

جك كيت رنوڠ كمبالي ڤيصه كطاعتن نبي إسماعيل عَلَيْهِ السَّلَامُ ترهادڤ أيهنداڽ، تيدق داڤة دراڬوكن لاڬي بهاوا ايت اداله حاصيل دري ديديقن يڠ سمڤورنا اوله أيهندا دان بوندا نبي إسماعيل عَلَيْهِ السَّلَامُ. سسڠڬوهڽ ڤنديديقن يڠ سمڤورنا أمت مستحق دبريكن كڤد أنق-أنق، انتاراڽ اياله دڠن ممبريكن علمو أڬام سرت منديديق مريك دڠن منرڤكن اداب دان أخلاق يڠ مليا. جك جيوا أنق-أنق ايت تله دديديق دان دسماي دڠن اجارن أڬام إسلام يڠ قوات، إن شاء الله أنق-أنق اكن منجادي أنق يڠ صالح دان برإيمان، بربقتي كڤد أڬام، إيبوباڤ، مشاركت، راج دان نڬارا سرت منداڤة كحيأن هيدوڤ ددنيا دان دأخيرة. آمين يا رَبَّ العالمين.

**"دان كامي ممرينتهكن مأنسي سوڤاي بربوات بايك كڤد إيبوباڤن، إيبوڽ تله مڠاندوڠكنڽ دڠن منڠڬوڠ كلمهن دمي كلمهن دان تيمڤوه مڠهنتيكن ڤڽوسواننڽ دالم دوا تاهون، (دڠن دمكين): "برشكورله كڤدكو دان كڤد إيبو باڤمو. كڤد أكو جواله تمڤت كمبالي". { سورة لقمان آية : ١٤ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى الْقُرآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN BASMIDA SEMARAKKAN SAMBUTAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN 2023





**PERSATUAN BASMIDA menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di rumah kediaman Yang Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd Ali di Kampung Jerudong (kiri dan kanan).**

**JERUDONG,** Sabtu, 1 Julai. - Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2023 diharap akan menjadi wadah dalam menggalakkan masyarakat membina keluarga bahagia, ikatan kasih sayang yang mesra dan harmoni berlandaskan agama Islam sesuai dengan falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja.

Selain bersukut baik dengan Sambutan Hari Raya Aidiladha, Persatuan BASMIDA baru-baru ini menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di rumah kediaman Yang Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd Ali di Kampung Jerudong.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah oleh Kumpulan Tausyeh dan Dikir BASMIDA Wanita, yang kemudian diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Dayang Hajah Norsinah binti Haji Hidup.

Sejurus itu bacaan Khatam bermula dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas, diikuti dengan bacaan Takhtim oleh para peserta khatam Al-Quran, dan Dikir Marhaban beramai-ramai.

Sementara Doa Khatam pula dibacakan oleh Dayang Azniseryanie binti Haji Isa, serta Doa Selamat dipimpin oleh Dayang Hajah Saadiah binti Haji Ibrahim, dan Doa Peliharakan Sultan dan NBD yang dibacakan oleh Dayang Hajah Fatimah binti Ghani.

Majlis juga turut diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Keluargaku Harapanku' yang disampaikan oleh Pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Abd Rahman yang antara lain memfokuskan pada menanai nilai-nilai teras kekeluargaan Brunei dari setiap lapisan masyarakat dengan saling menyayangi, memeduli, menghormati, dan bertanggungjawab yang menjamin kekuatan institusi kekeluargaan.

Dari tazkirah tersebut, Persatuan BASMIDA berharap agar Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan warganya tidak jemu-jemu menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran ibu bapa (*parenting skills*) kerana manfaat ilmu dapat menepati sasaran kegiatan anti-dadah terutama dalam golongan belia, beliawanis, remaja mahupun kanak-kanak.

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

Persatuan BASMIDA selaku NGO yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang menjalankan Pendidikan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah (PDE) melalui institusi keluarga dan pendidikan awal, turut bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai satu rakan strategik dalam sama-sama berganding bahu mengendalikan pengukuhan dan perlindungan institusi keluarga dalam pembangunan masyarakat melalui pendekatan Whole of Nation.

Yang Dipertua BASMIDA juga menyeru kepada para ahli, ibu-ibu tunggal, ibu bapa, penjaga dan kalangan saudara mara supaya dapat meluangkan masa berkualiti bersama keluarga, mengambil peduli sebarang masalah dan mencari jalan penyelesaian dengan baik melalui perbincangan, kaunseling mahupun komunikasi yang berkesan.

"Penerapan nilai-nilai akhlak murni dan mulia bermula dari diri sendiri yang boleh menjadi ikutan kanak-kanak, cucu-cucu yang tinggal sebumbung yang sentiasa melihat, mengikuti dan malah mencontohi kelakuan, percakapan, sikap ibu bapa, datuk nenek dan orang-orang dewasa di sekeliling mereka," ujarnya.

Justeru, dengan menggalakkan penglibatan anak-anak muda dalam aktiviti kerohanian seperti membaca Al-Quran dapat membimbing, melapangkan masa serta dapat mempraktikkan ajaran dan panduan hidup dari Al-Quran yang boleh mencegah dan mengawal mereka daripada terjebak dan terjerumus dengan gejala penyalahgunaan dadah.

Majlis juga antara lain bertujuan untuk membudayakan pembacaan Al-Quran setiap hari dalam kalangan Ahli-ahli BASMIDA, Rakan BASMIDA, BASMIDA Youth dan Ibu Tunggal dengan hasrat dapat melahirkan ramai generasi celik Al-Quran dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dan yang aman makmur.

## Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan : 4 - 6 Julai

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Julai. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi akan diadakan selama tiga hari berturut-turut iaitu pada Selasa malam Rabu, Rabu malam Khamis dan Khamis malam Jumaat, 16, 17 dan 18 Zulhijah 1444H bersamaan dengan 4, 5 dan 6 Julai 2023 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas bermula jam 7.30 malam.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444H / 2023M pada tahun ini membawakan tema 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian Dengan Petunjuk Al-Quran'.

Peserta-peserta qari yang akan bertanding pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan ialah Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya; Awang Ahmad Zulwaqar bin Suhaili; Pengiran Haji Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki; Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri; Awang Ahmad Syuja'ie bin Begawan Mudim Haji Matassim dan Awang Ashizal bin Zainal Abidin.

Manakala bagi peserta-peserta qariah yang akan bertanding pada musabaqah tersebut ialah Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri; Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran; Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki; Dayangku Nurul Sakinah Adawiyah binti Pengiran Ainolazahar; Dr. Hajah Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abd. Rahman dan Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat.

Para jemputan, ahli-ahli jawatankuasa, para peserta persembahan dan individu adalah dinasihatkan untuk melakukan Ujian Pantas Antigen (ART) di rumah masing-masing dan memuat naik (*upload*) keputusan ART ke aplikasi BruHealth pada hari menghadiri majlis tersebut.

Untuk makluman bersama, tempat sembahyang juga disediakan iaitu bagi lelaki di ruang legar di Tingkat 1 (atas Dewan Muzakarah), Pusat Persidangan Antarabangsa. Manakala bagi perempuan di Surau Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sehubungan itu, orang ramai dijemput hadir pada Musabaqah tersebut, bersama-samalah kita mendapatkan syafaat Al-Quran dan pengajarannya. Semoga kita dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.




# FINLAND DILANTIK SELAKU PRESIDEN MAJLIS NEGARA LAUT BALTIK

**HELSINKI**, 2 Julai. - Finland secara rasmi mengambil alih jawatan presiden Majlis Negara Laut Baltik (CBSS) dari Jerman untuk tempoh setahun mulai 1 Julai 2023, Xinhua memetik pengumuman kerajaan Finland pada Sabtu.

Finland menyasarkan untuk menumpukan pada keselamatan menyeluruh, persediaan krisis dan daya tahan sebagai objektif utama, menurut kenyataan itu.

Program presidensi menekankan tiga keutamaan: mencipta kawasan yang selamat dan terjamin, mempromosikan kawasan yang mampan dan sejahtera, serta memupuk identiti serantau.

Bagi memastikan CBSS dapat menangani keadaan yang sering berubah kerajaan Finland menetapkan objektif untuk menyelesaikan dan melaksanakan reformasi yang telah dipersetujui semasa Jerman menjadi presiden.

Ditubuhkan pada 1992, CBSS berfungsi sebagai organisasi antara kerajaan yang mempromosikan kerjasama di kalangan negara-negara di Kawasan Laut Baltik.

Ahli-ahlinya termasuk negara-negara Nordik, negara-negara Baltik, Jerman, Poland, dan Kesatuan Eropah. - ©BERNAMA

# Twitter hadkan bilangan 'tweets' boleh dibaca dalam sehari

**LONDON,** 2 Julai. - Elon Musk mengumumkan bahawa Twitter mengehadkan jumlah ciapan yang boleh dibaca dalam sehari buat sementara waktu, susulan beribu-ribu pengguna menghadapi masalah untuk mengakses laman sesawang itu.

Musk, yang mengambil alih Twitter pada Oktober selepas membelinya dengan harga US$44 bilion, mengumumkan pada hari Sabtu bahawa akaun yang disahkan telah dihadkan untuk membaca hanya 6,000 hantaran sehari, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Akaun yang tidak disahkan hanya boleh membaca 600 hantaran sehari, manakala akaun baharu yang belum disahkan terhad kepada hanya 300 hantaran, katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Tesla dan SpaceX itu berkata Twitter telah melaksanakan tindakan itu untuk mengatasi tahap 'data scraping' & manipulasi sistem yang melampau".

Di UK, seramai 5,126 pengguna mengadu tentang masalah mengakses Twitter pada 4.12 petang Sabtu, menurut laman sesawang Downdetector - yang menjejaki gangguan dalam talian.

Di AS, kira-kira 7,461 pengguna mengadu tentang isu yang sama setakat 4.15 petang waktu UK.

#Twitterdown dan RIP Twitter mula menjadi 'trending' apabila pengguna yang kecewa menerima mesej yang berbunyi "Had kadar melebihi. Sila tunggu beberapa saat dan cuba lagi". - ©BERNAMA

# UNESCO lulus cadangan AS sertai semula organisasi

**PARIS,** 1 Julai. - Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada Jumaat meluluskan cadangan Amerika Syarikat (AS) untuk menyertai semula organisasi itu yang dikemukakan semasa Sesi Luar Biasa Persidangan Agung.

Selepas dua hari perbincangan, 132 negara anggota mengundi menyokong manakala 10 lagi menentang cadangan itu ekoran AS telah menarik diri dua kali sebelum ini, menyebabkan kesan negatif terhadap tugas-tugas organisasi itu, lapor Xinhua.

AS akan membiayai bersamaan 22 peratus daripada belanjawan tetap organisasi itu, menurut kenyataan dikeluarkan UNESCO.

Selain pembayaran progresif tunggakan, AS juga akan membuat sumbangan sukarela bagi membiayai program termasuk menyokong akses kepada pendidikan di Afrika, menurut UNESCO.

Bercakap kepada media selepas proses undian, wakil tetap China ke UNESCO, Yang Jin berkata bahawa AS harus menyumbang untuk mempromosikan perpaduan dan kerjasama organisasi itu, bukannya terlibat dalam konfrontasi dan perpecahan.

"China menggesa AS, selepas kembalinya ke UNESCO, untuk memenuhi kewajipan dan komitmennya, membayar yuran keahlian sepenuhnya dan tepat pada masanya, dan membayar yuran tertunggak kepada UNESCO secepat mungkin," katanya.

Yang juga menyeru AS untuk mematuhi multilateralisme, menghormati kedaulatan dan sistem sosial semua negara, mengekalkan kepelbagaian sosial, tidak melakukan konfrontasi ideologi, dan komited untuk menggalakkan persefahaman dan kerjasama dalam kalangan negara anggota.

Pada Jun lalu, AS menghantar surat kepada Ketua Pengarah UNESCO untuk menyertai semula organisasi itu seawal Julai berdasarkan pelan kewangan yang konkrit, yang merangkumi komitmen untuk membayar balik tunggakan sekitar US$619 juta. - ©BERNAMA

## Lebih 270 penunjuk perasaan ditahan di Perancis

**PARIS**, 1 Julai. - Lebih 270 orang telah ditahan semasa rusuhan di Perancis pada Jumaat, kata Menteri Dalam Negeri Perancis, Gerald Darmanin,.

Darmanin memberitahu TF1 TV pada Jumaat bahawa lebih 45,000 Pegawai Penguatkuasa undang-undang termasuk unit khas terlibat dalam memerangi rusuhan di negara itu.

Sementara itu, lebih 300 pegawai polis cedera dalam tempoh tiga hari pertama pergolakan di negara itu, lapor Sputnik.

Darmanin turut meminta pihak berkuasa Paris mengenakan larangan sementara ke atas penjualan dan pengangkutan bunga api, kanister petrol dan bahan kimia yang mudah terbakar dari 21.00 waktu tempatan (19.00 GMT) sehingga rusuhan reda.

Pada Jumaat, Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hak Asasi Manusia menggesa Kerajaan Perancis untuk 'menangani masalah perkauman dan diskriminasi secara serius' selepas seorang remaja berusia 17 tahun mati ditembak seorang pegawai polis di Perancis.

Nahel M. ditembak mati di pinggir bandar Nanterre di Paris pada pagi Selasa selepas enggan mematuhi arahan polis.

Kejadian itu mencetuskan rusuhan di seluruh negara dan penunjuk perasaan bertempur dengan polis dengan membakar bangunan dan kenderaan. - ©BERNAMA

# Kerajaan Maldives kecam kempen 'India Out' pembangkang

**NEW DELHI**, 1 Julai. - Presiden Maldives, Ibrahim Mohamed Solih mengkritik kempen 'India Out' parti pembangkang, dengan menyifatkan ia menjejaskan hubungan rapat dengan rakan kongsi utama.

"Hubungan dua hala yang kukuh antara Maldives dan India adalah berdasarkan hubungan sejarah dan budaya yang dikongsi, dipadankan dengan hubungan rakyat dengan rakyat.

"India sentiasa menjadi sekutu terdekat Maldives dan jiran yang dipercayai, memberi sokongan berterusan dan konsisten kepada rakyat Maldives di semua bidang," menurut kenyataan yang dikeluarkan kerajaan pada Jumaat.

Kenyataan itu mengecam penggunaan topeng muka yang mencemuh Perdana Menteri India, Narendra Modi dan slogan 'India Out' semasa demonstrasi jalanan pada Khamis.

"Tindakan tidak bermaruah oleh pembangkang terhadap seorang rakan kongsi utama Maldives dan kepimpinannya semasa perayaan Aidiladha, bukan sahaja mencetuskan kebencian, tetapi juga menggalakkan permusuhan dengan memburukkan hubungan mesra yang terjalin sejak sekian lama dengan India," katanya.

Kerajaan juga mengulangi dasar 'India First' dan menegaskan pihaknya tetap komited untuk membina hubungan yang lebih erat dengan negara jiran itu.

Pentadbiran Solih tahun lalu mengharamkan kempen 'India Out' diketuai Parti Progresif Maldives yang dipimpin bekas presiden, Abdulla Yameen. - ©BERNAMA

## Rusia musnahkan stesen komunikasi Starlink dekat Bakhmut

**MOSCOW**, 2 Julai. - Tentera Rusia telah memusnahkan stesen komunikasi satelit Starlink Ukraine dan pusat kawalan dron berhampiran Bakhmut, kata jurucakap Kementerian Pertahanan Rusia kepada Sputnik.

"... artileri kumpulan itu (pasukan Rusia) memusnahkan stesen komunikasi Starlink, pusat kawalan bagi pesawat tanpa pemandu bersama dengan dron Leleka-100, pusat komunikasi dan trak pikap," menurut jurucakap itu.

Selain itu, tentera Rusia telah menangkis serangan kumpulan penyerang Ukraine berhampiran perkampungan Berkhivka di kawasan Bakhmut.

Sementara itu, amaran serangan udara di beberapa wilayah di Ukraine dikeluarkan lewat malam Sabtu, menurut data Kementerian Transformasi Digital Ukraine.

Bunyi siren turut dibunyikan di wilayah Dnipropetrovsk, Kirovohrad, Mykolaiv dan bahagian Zaporizhzhia dan Kherson yang dikuasai Kyiv.

Media Ukraine melaporkan bahawa letupan kedengaran di wilayah Mykolaiv dan di bandar Zaporizhzhia yang dikawal Ukraine.

Serangan terhadap infrastruktur Ukraine telah berlanjutan sejak 10 Okt (dua hari selepas serangan pengganas di Jambatan Crimea). - ©BERNAMA

## Kemboja pecat wakil Facebook - PM Samdech Techo

**PHNOM PENH**, 1 Julai. - Kemboja memutuskan untuk memecat wakil Facebook dari negara Asia Tenggara itu, menurut Perdana Menterinya Samdech Techo Hun Sen pada Jumaat.

"Saya tidak berhasrat untuk menyekat akses Facebook di Kemboja, tetapi tidak membenarkan Facebook mempunyai wakilnya di Kemboja lagi," katanya dalam satu mesej suara yang disiarkan secara terbuka.

Beliau menuduh Facebook berat sebelah dan mengendahkan kenyataan "menghina" yang dibuat oleh ahli politik dalam buangan terhadap Raja Kemboja Norodom Sihamoni, Hun Sen dan ahli keluarganya.

Kementerian Hantaran dan Telekomunikasi (MPTC) dalam satu kenyataan lewat Jumaat memutuskan untuk memecat wakil Facebook dari Kemboja dan menghentikan semua aktivitinya termasuk perwakilan syarikat, hubungan dengan kerajaan dan kerjasama dalam perkongsian dalam sektor swasta.

MPTC mengesan penyelewengan dalam perkhidmatan Facebook bagi pengguna di Kemboja, seperti ciptaan akaun palsu, risiko kebocoran data peribadi, penggunaan dan pengumpulan data peribadi, penyebaran berita palsu, kekurangan akauntabiliti dan ketelusan, dan campur tangan dalam hal ehwal politik negara. - ©BERNAMA

## Bekas Presiden Bolsonaro dihalang bertanding hingga 2030 - Mahkamah Brazil

**RIO DE JANEIRO**, 1 Julai. - Mahkamah Pilihan Raya Tertinggi Brazil pada Jumaat memutuskan bahawa bekas presiden Jair Bolsonaro tidak dibenarkan bertanding selama lapan tahun kerana salah guna kuasa, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Jika keputusan itu muktamad, ini bermakna bekas pemimpin sayap kanan itu akan dihalang daripada bertanding pilihan raya presiden pada 2026.

Pegawai pembela akan memfailkan rayuan berhubung keputusan itu. Empat hakim mengundi menyokong larangan itu, manakala seorang lagi menentang, menurut laporan di televisyen Brazil pada Jumaat.

Pejabat peguam negara menuduh Bolsonaro menimbulkan keraguan terhadap sistem pilihan raya Brazil semasa pertemuan dengan diplomat asing pada Julai 2022.

Bolsonaro mendakwa bahawa sistem pilihan raya tidak selamat dan boleh dimanipulasi.

Sistem pilihan raya Brazil berbentuk elektronik dan lulus ujian keselamatan Mahkamah Pilihan Raya Tertinggi Brazil pada Mei lalu.

Bagaimanapun, Bolsonaro berulang kali meragui kebolehpercayaan sistem itu dan tidak pernah mengaku kalah dalam pilihan raya pada Oktober menentang pemimpin kiri yang juga Presiden terkini Luiz Inácio Lula da Silva. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

# PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

## 14 PEMAIN BAWAH 12 TAHUN LAYAK WAKILI BFA



KETUA Jurulatih BFA, Edu Rodrigues Peixoto pada Sidang Media Garuda Cup 2023 bertempat di Peak Club, Berakas (kiri), manakala gambar kanan, antara pemain bola sepak berumur bawah 12 tahun dipilih untuk mewakili Akademi Bola Sepak Brazil (Brazillian Football Academy - BFA) pada Kejohanan Piala Antarabangsa Garuda.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Aimi Sani, Ihsan Brazillian Football Academy

**BERAKAS**, Ahad, 2 Julai. - Seramai 14 pemain bola sepak berumur bawah 12 tahun dipilih untuk mewakili Akademi Bola Sepak Brazil (Brazillian Football Academy - BFA) pada Kejohanan Piala Antarabangsa Garuda (The Garuda International Cup Tournament) yang akan berlangsung pada 6 Julai hingga 9 Julai di Bogor, Indonesia.

Perkara tersebut diumumkan oleh Ketua Jurulatih BFA, Edu Rodrigues Peixoto dalam satu Sidang Media Garuda Cup 2023 bertempat di Peak Club, Berakas, hari ini.

Menurut beliau, kejohanan bola sepak itu diiktiraf kerana mempamerkan bakat bola sepak remaja yang luar biasa dari seluruh dunia, menyediakan platform untuk pemain bola sepak muda yang bercita-cita tinggi untuk bersaing dengan pasukan terbaik dan memperoleh pengalaman yang tidak ternilai.

Pemilihan 14 pemain berbakat BFA jelasnya, mencerminkan komitmen akademi dalam menyediakan atlet muda yang menjanjikan pendedahan antarabangsa dan peluang untuk berkembang.

Di bawah bimbingan jurulatih berpengalaman BFA tambahnya, pasukan BFA bawah 12 tahun telah menjalani latihan dan persiapan rapi untuk memastikan mereka berada pada tahap terbaik untuk kejohanan berprestij ini.

"Para pemain telah mendedikasikan banyak masa mereka untuk mengembangkan kemahiran, pemahaman taktikal dan dinamik pasukan mereka di bawah bimbingan pakar kakitangan kejurulatihan BFA.

"Ibu bapa dan penjaga para pemain memberikan sokongan mereka sepenuhnya dalam pelbagai cara untuk menggalakkan pertumbuhan anak-anak mereka menjadi atlet muda yang bercita-cita tinggi," tambahnya lagi.

Penyertaan BFA dalam Kejohanan Bola Sepak Piala Garuda sejajar dengan misi akademi untuk membangunkan individu yang serba lengkap dan pemain bola sepak luar biasa yang boleh cemerlang di dalam dan di luar padang.

Kejohanan tersebut menawarkan peluang unik untuk pertukaran budaya dalam kalangan peserta dari pelbagai latar belakang dan peluang untuk atlet muda mempamerkan kemahiran mereka di pentas antarabangsa.

## Penyerahan tajaan kepada pasukan Spartan Diva



PASUKAN Spartan Diva menerima tajaan berupa Baju, Bip dan Pas Badan dari pihak Lembaga Pengarah HiTune Group of Companies (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Ihsan HiTune Group of Companies

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Julai. - Pasukan Spartan Diva menerima tajaan berupa Baju, Bip dan Pas Badan dari pihak Lembaga Pengarah HiTune Group of Companies.

Penyerahan tajaan tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif HiTune Group of Companies, Hernah Nur Imani binti Md Jeffrey dan Pengarah HiTune Group of Companies, Afdah binti Haji Mahadi kepada Pengurus Pasukan Bola Jaring Spartan Diva, Adibah Zafirah binti Awang Jafar.

Pasukan Spartan Diva akan menyertai Kejohanan Bola Jaring Wanita yang akan diadakan pada 2 Julai 2023 di Kompleks Sukan UBD. Kejohanan tersebut turut menyaksikan penyertaan daripada beberapa pasukan persendirian.

Nurul Izzati Naqibah binti Zaidi selaku Pengurus Senior Projek HiTune Group of Companies dalam ucapan alu-aluan menyatakan bahawa antara tujuan pihak HiTune Group of Companies membuat tajaan tersebut adalah untuk menyokong sukan wanita tempatan sekali gus menggalakkan kehidupan yang aktif untuk ke arah warga sihat.

Selain itu juga, ia juga sebagai sokongan bagi mencapai potensi dan impian dalam kalangan wanita Negara Brunei Darussalam di dalam arena sukan terutama dalam sukan bola jaring.

Majlis yang berlangsung pada 30 Jun 2023 di Ibu Pejabat HiTune Group of Companies, Kampung Mata-Mata, Gadong itu turut dihadiri oleh para ahli pasukan Spartan Diva.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn